

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 123 ● 9 - 15 JULAI 2021 ● PP19441/12/2018 (035014)

SEBARAN UMUM

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Moratorium: Nafas kedua rakyat, rancang semula kewangan

MORATORIUM enam bulan di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemuliharaan Ekonomi (PEMULIH) bukan hanya memberi keleaan kepada segelintir peminjam individu mahupun perniagaan yang terkesan, ia juga dilihat nafas kedua mereka dalam mendepani cabaran getir sejak negara dilanda wabak.

Ini kerana, moratorium selama enam bulan yang ditawarkan kepada

semua peminjam individu merangkumi golongan B40, M40 dan T20 serta usahawan mikro itu, tidak dikenakan syarat seperti dokumentasi pengurangan pendapatan mahupun kelulusan pihak bank sebaliknya mereka hanya perlu menandatangani perjanjian pindaan syarat-syarat pinjaman berkaitan.

Bagi peminjam warga Wilayah Persekutuan yang terkesan khususnya di Kuala Lumpur, keleaan mereka

berganda apabila selain moratorium di bawah bank dan institusi kewangan yang diumumkan, mereka juga mendapat penangguhan bayaran balik pembelian bagi rumah projek perumahan rakyat (PPR) dan perumahan awam (PA) di bawah agensi Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

Ia dinyatakan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa

menerusi paparan grafik yang disiarkan di Facebook KWP pada 6 Julai lalu.

Menurut lampiran itu, penangguhan merujuk kepada pembiayaan pembelian yang dibuat melalui Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan iaitu anak syarikat milik penuh Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

BERITA LANJUT DI MUKA 2

RumahPrihatin@GrandSeasons koordinasi bantuan



Pembaca boleh sentuh QR code untuk tonton video berkenaan



MENTERI Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa melawat proses baik pulih Hotel Grand Seasons di Jalan Pahang, Kuala Lumpur yang akan dijadikan Rumah Prihatin bermula 15 Julai ini yang mana kesemuanya kemudahan hotel digunakan untuk kebaikan kepada rakyat.

MENDEPANI implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap sektor ekonomi dan sosial sehingga mendorong kewujudan masalah mental yang serius, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menerusi Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) memperkenalkan satu lagi inisiatif RumahPrihatin@GrandSeasons.

Berkonsepkan hotel kebaikan bagi membantu rakyat yang terkesan akibat COVID-19 khususnya kepada golongan miskin bandar di Wilayah Persekutuan, lokasi itu dijadikan platform untuk menghimpunkan, mengkoordinasi dan

merawat individu yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Ia dilaksanakan secara bersama dengan sokongan sukarelawan, persatuan, organisasi korporat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Menterinya, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, lima perkhidmatan utama 'We Care' yang ditawarkan adalah Dapur Prihatin (DP), Bilik Penginapan Prihatin (BPP), Khidmat Kesihatan Mental Prihatin (KKMP), Khidmat Vaksinasi Prihatin (KVP) dan Pusat Gerakan Jejak Prihatin (PGJP).

Kementerian berharap usaha murni

yang dijalankan itu dapat membantu mengkoordinasikan penyaluran bantuan serta perkhidmatan kepada warga Wilayah Persekutuan selaras dengan halatuju kerajaan bagi membaik pulih keadaan darurat kesihatan, ekonomi, mental dan fizikal rakyat.

"Ia merupakan kerjasama YWP, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Turut serta adalah Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP), Yayasan Persahabatan Malaysia (PERMAI), Yayasan Kemiskinan Kelantan, Pertubuhan Muafakat Nasional, PriVo dan lain-lain," ujar beliau.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh melayari laman sesawang www.yayasanwp.org/rumahprihatin atau e-mel ke rumahprihatin@yayasanwp.org.my dan hubungi helpline di talian 01171107898.

BERITA LANJUT DI MUKA 3

Peluang peminjam sewa beli PPR, PA rancang semula kewangan

Moratorium: Lebih holistik, mudah

DARI MUKA DEPAN

NAZWIN NAZRI

MENYUSURI lembaran penularan pandemik COVID-19 di Malaysia, impak yang berlaku tidak mengenal darjat sekali gus menjadikan mereka yang dahulunya hidup mewah dengan kerjaya kukuh, hilang mata pencarian dalam sekelip mata sahaja.

Justeru, pemberian moratorium enam bulan di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemuliharan Ekonomi (PEMULIH) amat memberi kelegaan kepada segelintir peminjam individu mahupun perniagaan yang terkesan.

Bagi Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz, kemudahan itu dilihat secara bersama dengan semua usaha bagi mempercepatkan peralihan ke fasa Pelan Pemuliharan Negara (PPN) yang seterusnya.

Ini kerana, moratorium selama enam bulan yang ditawarkan kepada semua peminjam individu merangkumi golongan B40, M40 dan T20 serta usahawan mikro itu, tidak dikenakan syarat seperti dokumentasi pengurangan pendapatan mahupun kelulusan pihak bank sebaliknya mereka hanya perlu menangani perjanjian pindaan syarat-syarat pinjaman berkaitan.

Ekoran pengumuman itu, segelintir warga Wilayah Persekutuan yang terkesan menyatakan ia bukan hanya memberi mereka peluang bernafas tetapi membolehkan



perancangan kewangan dilakukan semula untuk kelangsungan hidup.

Malah, mereka menzhirkir rasa lega dan gembira selepas Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa yang cakna serta prihatin rakyat turut mengumumkan penangguhan bayaran balik pembiayaan bagi rumah projek perumahan rakyat (PPR) dan perumahan awam (PA) di bawah agensi kementeriannya.

Pengumuman Selasa lalu menyatakan, penangguhan selama enam bulan bayaran

tanpa penalti lewat bayar akan diberikan bagi setiap pembiayaan pembelian rumah PPR Majlis Tindakan Ekonomi (MTEN) dan PA Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Menurut Annuar lagi, ia merujuk kepada pembiayaan pembelian yang dibuat melalui Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan iaitu anak syarikat milik penuh Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

"Penangguhan selama enam bulan bayaran balik itu bermula Julai hingga Disember 2021, tanpa penalti lewat bayar," katanya dipetik melalui info grafik yang diterbitkan Faebok Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

Terdahulu, permohonan moratorium enam bulan bagi institusi perbankan dibuka pada 7 Julai selepas bank serta institusi kewangan lain di Malaysia bersetuju dengan cadangan kerajaan untuk memberikan moratorium secara automatik.

Ia tidak memperuntukkan sebarang syarat seperti pengurangan pendapatan, selain tiada semakan bagi mengesahkan sama ada pemohon hilang pekerjaan.

Pengumuman yang dibuat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 28 Jun lalu itu disambut gembira oleh rakyat yang terkesan daripada pelaksanaan sekatan pergerakan penuh yang dibuat sejak awal Jun lalu. WK

Apa kata mereka



"INISIATIF ini sangat bagus di mana dalam keadaan sekarang ini ramai antara kita tidak dapat tangani tekanan dengan baik, dengan penangguhan enam bulan tersebut dapat mengurangkan lagi beban mereka supaya mereka tidak perlu risau tentang pembiayaan rumah."

NUR ZULAIKA AZMI, 21,
Pengasuh



"MORATORIUM ini membantu mengurangkan beban meskipun hanya berbentuk bantuan jangka pendek dan ianya adalah dalam kategori pilihan kerana kesan dikemudian hari bagi pengambilan inisiatif ini juga perlu di fikirkan. Selain itu, bantuan kewangan dari pihak kerajaan dan juga pengeluaran wang KWSP juga merupakan antara bantuan lain yang boleh diberikan kepada rakyat ketika ini."

NUR AMIRA YAHAYA, 29,
Pengasuh kanak-kanak



"PENANGGUHAN ini membantu buat masa ini bagi individu yang betul-betul terjejas namun saya takut selepas tempoh yang diberikan ia akan menambah beban kepada individu tersebut apabila caj yang dikenakan mungkin akan tinggi, jadi saya rasa adalah lebih baik jika pembayaran rumah ini dikurangkan berbanding ditangguhkan kerana cara itu lebih mengurangkan beban rakyat pada pandemik ini."

NOOR HAMIZA MOHAMAD ANUAR, 36,
Pekerja swasta



"PENANGGUHAN bayaran rumah PPR sangat membantu penduduk macam saya sebab mengurangkan beban yang saya tanggung waktu pandemik ini serta inisiatif ini tidak pernah lagi dibuat oleh menteri sebelum ini."

"Isu moratorium pula, individu yang ingin memohon benda tersebut perlu lebih peka seperti bertanya dengan pihak bank masing-masing untuk tahu lebih lanjut mengenai cara pengiraan apabila mengambil moratorium ini. Tidak boleh harapkan kerajaan untuk beritahu setiap satu kerajaan setiap bank lain cara pengiraannya namun syaratnya adalah sama."

BADRUL HISHAM ABDUL JALIL, 30,
Penjawat awam



"SEDIKIT sebanyak inisiatif ini sebenarnya membantu golongan yang terbebas dalam kegawatan ekonomi sekarang jadi dengan adanya inisiatif pilihan ini, kami dapat mengatur semula segala perbelanjaan atas keperluan dengan mendahului mana yang perlu dan tidak namun pilihan terletak di tangan masing-masing, dengan kemudahan serta inisiatif yang diberikan, kita sebagai rakyat perlu berfikir dan berhati-hati dalam membuat sebarang keputusan sama ada mahu mengambil moratorium ini atau tidak."

SITI KHAIRUN NISSA SULIHEN, 28,
Pengedali makanan

PKPD: Jangan larikan diri, undang penularan wabak

HAZIRAH HALIM

VIDEO tular memperlihatkan beberapa lelaki menyusup di bawah kawad berduri untuk melarikan diri daripada lokasi Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), menarik perhatian Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa.

Beliau merayu supaya penduduk di lokalkti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang dikenakan PKPD tidak cuba melarikan diri dan meninggalkan kediaman.

"Saya merayu kepada penduduk supaya memahami bahawa PKPD bukan untuk hukuman tetapi adalah kaedah yang diperakukan oleh pakar-pakar kesihatan bagi menghalang penularan yang lebih besar."

"Sekiranya kita lari daripada kawasan PKPD, berkemungkinan kita akan membawa virus di tempat yang baru dan itu tidak membantu sebaliknya akan



PENDUDUK di lokalkti Kuala Lumpur dinasihatkan agar tidak meninggalkan kawasan kediaman sehingga tamat tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

menyebabkan penularan yang lebih cepat ke tempat lain," katanya kepada Wilayahku.

Mengulas lanjut, Annuar maklumkan bahawa sebanyak 60 buah rumah meliputi 60 keluarga telah meninggalkan kawasan

PKPD.

"Kita tidak tahu ke mana mereka pergi. Mereka mungkin membawa virus secara tidak sedar dan kemungkinan mereka telah mewujudkan satu kluster di tempat yang baru dituju."

"Setengah tempat cuba potong wayar kawat berduri. Ada yang telah meninggalkan kawasan apabila PKPD dilaksanakan," kata Annuar.

Jelasnya, adalah lebih baik sekiranya masyarakat dapat bertahan dua minggu dan memberi kerjasama sepenuhnya serta tidak membawa virus di kawasan yang telah dikenal pasti ada audrid.

Tegas Annuar, cara tersebut tidak membantu usaha kerajaan dalam mengekang penularan wabak COVID-19 di negara tetapi ia akan menambah dan menyukarkan pelbagai pihak untuk menyelesaikan masalah ini.

Sebelum ini, kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di 14 lokalkti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan beberapa mukim di Selangor selama 14 hari bermula 3 Julai sehingga 16 Julai 2021. WK

RumahPrihatin@GrandSeasons koordinasi penyaluran bantuan

Lancar hotel kebajikan demi rakyat

AZLAN ZAMBRY

KEMENTERIAN
Wilayah Persekutuan (KWP) melancarkan RumahPrihatin@GrandSeasons yang akan beroperasi secara berperingkat di ibu negara mulai 15 Julai ini, bagi mengkoordinasi kegiatan sukarela berkaitan perkhidmatan pengawalan penularan COVID-19.

Ia akan dilaksanakan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dengan kerjasama Hotel Grand Seasons sekali gus menunjukkan komitmen kerajaan dalam membendung masalah tersebut yang selari dengan aspirasi Pelan Pemuliharan Negara (PPN).

Menterinya, Tan Sri TPR Annuar Musa berkata, premis itu akan dijadikan pusat koordinasi dan rawatan yang berkonsepkan hotel kebajikan.

"Diperingkat KWP, kami bersetuju untuk menerima tawaran tersebut dan menyerahkan penggunaan Rumah Prihatin ini kepada sekumpulan NGO yang diketuai YWP.

"Ia merupakan satu platform untuk menghimpunkan, mengkoordinasi dan merawat mereka yang terkesan akibat pandemik COVID-19," katanya dalam sidang akbar selepas meninjau persiapan akhir pusat sebelum beroperasi pada 15 Julai ini.

ANNUAR melihat dapur hotel yang dijadikan lokasi memasak makanan untuk diaghikan kepada petugas dan individu terlibat.



Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun dan Ahli lembaga Pengarah Hotel Grand Seasons, Datuk Arif Shah Omar Shah.

Annuar berkata, RumahPrihatin@GrandSeasons akan dijadikan lokasi rangkaian kegiatan membantu rakyat secara lebih proaktif selari konsep Wilayah Cakna dan Wilayah Prihatin dengan menekankan lima komponen iaitu Dapur Prihatin, Bilik Penginapan Prihatin, Khidmat Kesihatan Mental Prihatin, Khidmat Vaksin Prihatin dan Pusat Gerakan Jejak Prihatin.

"Dapur akan kita gunakan untuk memasak bekalan makanan yang

boleh diaghikan kepada petugas atau keluarga yang memerlukan, gelandangan atau kumpulan sasar yang akan diperakur oleh rangkaian sukarelawan apabila mereka turun ke lapangan.

"Kami juga sedang meneliti sama ada sebahagian daripada 300 bilik di hotel ini sesuai untuk dijadikan sebagai pusat kuarantin bagi kes-kes ringan," katanya sambil menambah akan mengadakan program berkaitan kesihatan mental dengan kerjasama NGO, pakar psikitari, kaunselor profesional yang berkelayakan.

Selain itu, Annuar berkata, gerakan kesukarelawanan di bawah Prihatin Volunteers atau (PriVo)

akan ditempatkan di Rumah Prihatin yang kini telah dianggotai seramai 2000 orang dan mereka membantu gerakan vaksinasi secara mobile serta program turun padang di lapangan.

"Rumah Prihatin ini akan membantu program sanitasi di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan

Perumahan Awam (PA) serta menjadi sukarelawan untuk program vaksin bergerak.

"Sukarelawan ini akan bergerak rumah ke rumah mulai 14 Julai di bawah program Jejak Prihatin untuk mereka menyusuri lebih dari 4000 keluarga miskin tegar dalam Wilayah Persekutuan," katanya. WK



Dapur Prihatin

- Menyediakan 1,000 pak makana percuma sehari.
- Golongan fakir miskin, gelandangan dan petugas barisan hadapan, musafir dan yang tidak berkemampuan.



INISIATIF WILAYAH PRIHATIN

Bilik Penginapan Prihatin

- Konsep Bayar Minimum Sekadar Mampu (BSM)
- Golongan musafir, pelajar, perantau & individu-individu yang diwajibkan menjalani kuarantin serta tidak berkemampuan.

Khidmat Kesihatan Mental Prihatin

- Khidmat Kaunseling kepada individu yang memerlukan sokongan emosi secara perseorangan dan menjaga kerahsiaan peribadi.

Pusat Gerakan Jejak Prihatin

- One Stop Centre
 - Penyelesaian aduan rakyat.
- Aktiviti kermasyarakatan sukarelawan oleh PriVo, MPP & NGO.

Khidmat Vaksinasi Prihatin

- Golongan kurang upaya, terlantar yang memerlukan bantuan khas, peniaga, penjaja & gelandangan.

Bantuan RM100 Prihatin Kasih selama tiga bulan

NAZWIN NAZRI

CAKNA situasi semasa penularan wabak COVID-19 di Wilayah Persekutuan khususnya Kuala Lumpur, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa mengerahkan 3,898 wakil Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan PriVo mengenalpasti keluarga miskin tegar.

Tegas beliau, kesemua terlibat menerusi Program Jejak Prihatin yang akan bermula 14 Julai ini, perlu bergerak dari rumah ke rumah bagi memastikan golongan sasar menerima bantuan di samping meninjau keadaan semasa mereka.

Beliau berkata, sebanyak 4,690 keluarga miskin bandar telah dikenal pasti di Wilayah Persekutuan.

Dalam pada itu, Annuar memaklumkan, menerusi program tersebut, bantuan Prihatin Kasih akan disalurkan yang mana individu terlibat boleh menerima bantuan RM100 sebulan selama tiga bulan melalui kad pengenalan diri masing-masing.

"Baru saja selesai taklimat kepada wakil MPP dan Prihatin Volunteers (PriVo).

Mulai 14 Julai, 3,898 MPP dan PRIVO kita gerakkan di bawah 'Jejak Prihatin' untuk menjenguk door to door 4,690 keluarga miskin tegar Wilayah Persekutuan, untuk disampaikan bantuan dan meninjau keadaan mereka.

"Jejak Prihatin juga akan sampaikan maklumat mengenai bantuan Prihatin Kasih di mana mereka boleh menerima bantuan RM100 sebulan untuk tiga bulan, melalui Mykad mereka untuk membeli barang keperluan harian masing-masing. Terdapat 10,650 keluarga miskin di Wilayah Persekutuan," ciapnya di Twitter pada Selasa. WK

Jejak Prihatin bina jati diri sukarelawan PriVo

KEPRIHATINAN dan kecaknaan yang dicetuskan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa telah meletakkan satu penanda aras kepada setiap warganya untuk menjadi lebih peka terhadap keadaan seseorang individu terutama dalam menjalani kehidupan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Justeru, melalui program Jejak Prihatin dan bakal dilancarkan 14 Julai ini, golongan yang tidak berasas baik akan terus dikenalpasti melalui pendekatan rumah ke rumah sekali gus merintis usaha bersepadu bagi menyelesaikan masalah kemiskinan di bandaraya.

Bagi Pengerusi You4WP, Jumaitul Laili Zakiah Ismail, peluang membantu Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dalam menjelaki golongan susah dan miskin bandar sememangnya satu cabaran kerana ia memerlukan tenaga sukarelawan yang ramai.

"Seperti kita sedia maklum, ramai warga kota yang terjejas dan menjadi miskin bandar dalam tempoh singkat disebabkan pandemik COVID-19. Ia juga didorong oleh penguatkuasaan PKP yang menyaksikan banyak sektor ekonomi terpaksa ditutup."

"Melalui tindakan tersebut, ramai yang terpaksa menutup perniagaan kecil-kecilan termasuklah diberhentikan kerja dan pengurangan gaji," katanya pada Rabu.

Menurut Jumaitul, inisiatif Menteri



JUMAITUL (dua dari kiri) memberi taklimat dan penerangan kepada sebahagian sukarelawan yang terlibat semasa Program Pemberian Vaksin kepada penduduk PPR baru-baru ini.

Wilayah Persekutuan yang mengilhamkan Jejak Prihatin merupakan perkara yang amat baik dan murni.

"Sudah pasti pendekatan ini lebih berfokus dalam mengenalpasti golongan yang disebutkan dan bantuan akan terus dihulurkan. Pada masa sama, data mereka akan diambil untuk bantuan lain."

"Kami berpendapat, program Jejak Prihatin adalah satu langkah proaktif untuk mencari mana-mana keluarga dan individu yang 'berpotensi' mengibarkan bendera putih kerana tidak tahu di mana boleh mendapatkan bantuan."

"Difahamkan, sebanyak 4,690 keluarga miskin tegar yang harus dilawati dan ia berkemungkinan terdapat banyak keluarga yang memerlukan bantuan akibat kehilangan punca pendapatan," katanya sambil menambah Youth4WP mempunyai kekuatan hambar 200 orang sukarelawan.

Jumaitul turut menzahirkan penghargaan kepada pihak KWP di atas peluang yang diberikan kerana membuka ruang kepada golongan muda untuk menjadi lebih prihatin, peka dan cakna terhadap situasi semasa. WK

IWC 6.0: DBKL beri rebat cukai taksiran Penggal 2, 2021

AZLAN ZAMBRY

PERINTAH Kawalan Pergerakan (PKPD) di beberapa lokaliti sekitar ibu kota telah menyebabkan banyak perniagaan terpaksa ditutup dan seterusnya sekaligus pengusaha terlibat terpaksa mengikat perut dalam keadaan ekonomi yang suram.

Prihatin dengan nasib yang dialami golongan berkenaan, Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** memperkenalkan Inisiatif Wilayah Cakna (IWC) 6.0 yang antara lainnya memberikan sedikit keleegan kepada mereka melalui penangguhan pembayaran cukai taksiran bagi tahun 2021 di Kuala Lumpur.

Melalui inisiatif ini, tarikh akhir bayaran cukai taksiran bagi Penggal 2, 2021 sepatutnya perlu dilunaskan pada 31 Ogos 2021.

“Di bawah inisiatif ini,

pemilik harta dibenarkan membuat bayaran cukai taksiran 2021 secara ansuran sehingga 31 Disember ini tanpa dikenakan caj denda lewat,” katanya melalui hantaran di laman Facebook pada Ahad.

Katanya, di bawah inisiatif ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memberikan pengecualian caj denda lewat cukai taksiran bagi tahun 2020 dan 2021.

“Caj denda lewat akan dikenakan pada 1 Mac dan 1 September bagi akaun yang bertunggakan.

“Melalui inisiatif ini, akaun yang bertunggakan sehingga 31 Disember 2021 tidak dikenakan caj denda lewat bagi tahun ini termasuk akaun yang bertunggakan pada 2020,” katanya.

DBKL berkata, pihaknya

turut memberikan rebat cukai taksiran tahun 2021 kepada beberapa institusi yang turut menerima kesan ekoran pandemik ini.

“Rebat cukai taksiran akan diberikan kepada Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) sebanyak 25 peratus, hotel, 10 peratus dan pusat beli-belah sebanyak 10 peratus.

“Pemberian rebat ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat-syarat permohonan,” katanya.

Katanya, untuk memperolehi rebat cukai taksiran, pemilik harta-harta hendaklah mengemukakan permohonan kepada pihak DBKL.

“Pemilik harta-harta boleh membuat permohonan secara bertulis melalui emel kepada cukaitsiran@dbkl.gov.my atau melalui surat yang di-

alamatkan kepada Bahagian Pengurusan Hasil, Jabatan Kewangan DBKL,” katanya.

Selain itu, DBKL turut mengingatkan pemilik harta-harta untuk melampirkan dokumen berkaitan iaitu bil cukai taksiran dan lesen perniagaan semasa membuat permohonan rebat.

“Bagi harta-harta hotel, hotel yang terjejas dan menuju operasi sepanjang tempoh PKP pada tahun 2021 perlu mengemukakan perakuan tempoh perniagaan terjejas.

“Manakala harta-harta pusat beli-belah pula, permohonan yang layak adalah bagi yang tidak berstrata atau tidak dijual. Pemohon perlu mengemukakan perakuan tempoh perniagaan terjejas dan perakuan tidak berstrata.

“Pihak IPTS yang ingin memohon rebat turut perlu mengemukakan perakuan tempoh perniagaan terjejas,” katanya. **WK**



ANNUAR

F&N sumbangan 250 karton minuman untuk PriVo

SYAHIDI BAKAR

SEJUMLAH 250 karton minuman disumbangkan F&N Beverage Marketing Sdn. Bhd. (F&N) untuk kegunaan Sukarelawan Wilayah Prihatin (PriVo) bukan sahaja membantu malah turut menyumbang kepada keperluan mereka sebagai petugas.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata, adanya sumbangan sedemikian, membuktikan kerjasama swasta dengan YWP mahupun agensi dan kementerian mampu dilaksana atas kepentingan serta kebaikan bersama.

Beliau berkata, kerjasama seumpamanya sangat berpotensi diperluas lagi memandangkan inisiatif sumbangan F&N akan membantu dan memenuhi keperluan PriVo sebagai petugas serta sumber tenaga di semua program Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

“PriVo sebagai petugas dan sumber tenaga yang penting untuk memastikan kelancaran program sumbangan mahupun pelaras bagi pergerakan orang ramai sebagai contoh di Pusat Pemberian Vaksin (PPV),” katanya selepas sesi penyerahan sumbangan minuman F&N kepada PriVo di Ibu Pejabat YWP, Kuala Lumpur.

Serahan 250 karton minuman jenis teh tarik itu dilakukan Penyelaras Acara



ZAIZALNIZAM (tiga dari kiri) ketika sesi penyerahan sumbangan minuman F&N kepada PriVo di Ibu Pejabat YWP, Kuala Lumpur.

Khas, F&N, Mohd. Zahid Doi kepada Pengarah PriVo, Datuk Mohd. Irwan Rizal Mohd Ali Napiah.

Mengulas lanjut, **Mohd. Zahid** berkata, inisiatif sumbangan melalui program CSR itu sebahagian usaha berterusan F&N dalam membantu petugas barisan hadapan, warga B40 dan golongan yang memerlukan sebagai sokongan dan keprihatinan.

“Untuk hari ini, 250 karton minuman disumbang F&N bernilai kira-kira RM18,000, semoga ia dapat memanfaatkan petugas PriVo di lapangan nanti. Secara keseluruhan pula, RM3 juta diperuntukkan F&N untuk CSR program bagi

tahun ini,” jelasnya.

Sementara itu, **Mohd. Irwan Rizal** menzahirkan terima kasih dan syukur di atas sumbangan dan kesungguhan F&N membantu para petugas PriVo yang giat menjalankan tugas di lokasi pemberian vaksinasi bergerak demi kelancaran program itu di sekitar ibu kota.

“Alhamdulillah semoga dengan sumbangan yang diberi dapat menaikkan semangat petugas PriVo seterusnya memastikan objektif disasarkan melalui pemberian vaksinasi bergerak tercapai,” katanya. **WK**

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri
nazwinizan@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zamby
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Rosidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Wong Siew Mun
wongsiew.mun@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com

Syahidi Bakar
diwilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA
Rostam Afendi Ab Rashid
lemondecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annur
affandywilayahku@gmail.com
Mohd Fadly Bharudin
fadlybharudin@gmail.com
Taufik Mohd Pauze
kikywilayahku7@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan
nazirulwilayahku@gmail.com
Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Azly Fariq Ramly
azlyfariq@yayasanwp.org.my

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan
zuhairi@yayasanwp.org.my
V Kumar Veeran
veeran010@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Jumaitul Laily Zakiah Ismail
jumaitul@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm886@gmail.com

PELATIH INDUSTRI

Nur Sabrina Akmal Mohammad Sabre
Nur Hazirah Mohamed Halim
Diana Syuhada Mohd Amir
Muhammad Adib Zailani

CERITA KEDAI KOPI

Sidang parlimen: Utamakan isu rakyat

SIDANG Khas Parlimen dijangka diadakan selama lima hari mulai 26 Julai ini. Dewan Negara pulak kemudian bersidang untuk tiga hari mulai 3 Ogos. Ini disahkan melalui kenyataan rasmi Pejabat Perdana Menteri (PMO).

Persidangan ini diadakan sejajar dengan titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayattuddin Al-Mustafa Billah Shah yang mahu sidang parlimen diadakan segera dalam tempuh darurat ini, yang dijadual berakhir pada 1 Ogos 2021.

Menurut PMO, sidang khas ini bertujuan memberi penerangan kepada ahli-ahli parlimen mengenai Pelan Pemuliharaan Negara (PPN) dan meminda semua perundungan dan peraturan bagi membolehkan persidangan diadakan secara hibrid.

Berdasarkan Fasal (3) Perkara 150 Perlombagaan Persekutuan, semua proklamasi darurat dan ordinan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong akan dibentangkan di hadapan kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Persidangan hibrid pada dasarnya bermakna melibatkan kehadiran fizikal sekurang-kurangnya 26 ahli parlimen untuk menepati kehendak korum di Dewan Rakyat dan 10 senator di Dewan Negara.

Selebihnya boleh memilih untuk hadir secara fizikal, tertakluk kepada apa-apa syarat mesyuarat ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) atau Kementerian Kesihatan Malaysia (KMM) pada masa persidangan. Atau mereka boleh muncul secara maya.

Diharap dengan pengumuman persidangan ini akan melegakan pihak-pihak yang selama ini mendesak agar parlimen bersidang untuk membincangkan hal-hal yang berhubung kait dengan Ordinan Darurat dan juga mengenai isu-isu yang berkaitan dengan pandemik COVID-19.

Oleh itu juga diharapkan persidangan parlimen dan Dewan Negara ini akan digunakan dengan sebaik-baiknya untuk membincangkan isu-isu kepentingan rakyat dan negara yang kini sedang berhadapan dengan ancaman pandemik COVID-19.

Isu mengenai pandemik ini dan kesannya kepada rakyat dan negara sewajarnya menjadi tumpuan ahli parlimen dan senator. Isu-isu yang tidak mendesak dan tidak relevan dengan masalah yang dihadapi sekarang seharusnya dikesampingkan dahulu.

Kita percaya sama ada ahli parlimen atau senator memahami hakikat ini dan meletakkan kepentingan rakyat dan negara melebihi daripada yang lain. Justeru fokuslah kepada perkara utama. Tidak perlulah menjadikan parlimen atau Dewan Negara sebagai medan berbalah atas isu-isu sampingan.

Parkir percuma sempena Hari Kebangsaan

MULAI 2 Julai lalu sehingga 31 Ogos ini, letak sahaja kenderaan anda di tempat parkir bahu jalan atau *roadside* parking di kawasan bandar raya Kuala Lumpur tanpa perlu membayar parkir. Jangan bimbang, anda tidak akan disaman.

Parkir percuma ini merupakan hadiah sempena ulang tahun Hari Kebangsaan ke-64 untuk warga Wilayah Persekutuan. Mungkin nilainya tidak terlalu tinggi bagi individu. Tetapi jika melibatkan ramai orang dan banyak petak parkir bahu jalan untuk tempoh dua bulan, jumlahnya tinggi juga.

Pengecualian parkir ini akan menyaksikan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kehilangan hasil. Tetapi itulah tanda ingatan dan hadiah kepada warga ibu kota sempena sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan. Maka warga kota wajar bersyukur.

Langkah ini, menurut Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa, adalah sejajar dengan konsep prihatin rakyat di samping membantu warga kota memanfaatkan sumber kewangan yang ada untuk membeli barang keperluan lain.

Sehingga ini belum dapat dipastikan sama ada sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan tahun ini akan diadakan memandangkan negara masih berhadapan dengan ancaman pandemik COVID-19. Angka jangkitan dan kematian harian masih tinggi.

Justeru yang lebih penting ialah mengekang penularan wabak ini dan memastikan kesihatan rakyat terus terjaga, kemudahan rawatan dan perubatan terbaik dapat diberikan dalam usaha melepaskan negara daripada cengkaman pandemik tersebut.

Apa pun jangan lupa parkir percuma DBKL tamat pada 31 Ogos. Selepas itu jangan pula buat-buat lupa membayar. Kalau kena saman jangan salahkan orang lain!



GRAND SEASONS
Hotel Kuala Lumpur

WILAYAH PERSEKUTUAN
**WILAYAH
PRIHATIN**

RUMAH PRIHATIN @ GRAND SEASONS

Kuala Lumpur

Dapur Prihatin

- Menyediakan 1,000 pek **makanan percuma sehari.**
- Golongan **fakir miskin, gelandangan dan petugas barisan hadapan, musafir** dan yang tidak berkemampuan.

Khidmat Kesihatan Mental Prihatin

- Khidmat Kaunseling kepada individu yang memerlukan sokongan emosi secara **perseorangan** dan menjaga **kerahsiaan peribadi.**

Khidmat Vaksinasi Prihatin

- **Golongan kurang upaya, terlantar yang memerlukan bantuan khas, peniaga, penjaja & gelandangan.**

Bilik Penginapan Prihatin

- Konsep Bayar Minimum Sekadar Mampu (BSM)
- **Golongan musafir, pelajar, perantau & individu-individu** yang diwajibkan menjalani kuarantin serta tidak berkemampuan.

Pusat Gerakan



One Stop Centre

- Penyelesaian aduan rakyat
- Aktiviti kemasyarakatan sukarelawan oleh PriVo, MPP & NGO

Sumbangan & Penglibatan Kaunselor Kesihatan Mental dialu-alukan.

rumahprihatin@yayasanwp.org.my
011-7110 7898



DATUK DR BUDIMAN MOHD ZOHDI

KISAH orang tiba-tiba menjadi kaya sering kita temui dalam buku-buku cerita dan komik. Puncak kekayaan mengejut itu pelbagai.

Terjumpa harta karun atau cincin hikmat, menang sabung ayam lalu dianugerahkan harta dan puteri raja serta bermacam-macam kisah lagi.

Banyak juga filem yang berlebar pada tema yang sama. Antaranya "Vegas Vacation", "It Could Happen to You", "The Cooler", "A Big Hand For the Little Lady", "Rounders" dan "Slumdog Millionaire".

Selain "Slumdog Millionaire", kekayaan tiba-tiba dalam filem-filem yang disebut itu mempunyai kaitan dengan judi.

Di Malaysia antara cerita yang ada kaitan dengan kaya tiba-tiba ialah 'Mr Os', yang mengisahkan lelaki penjaga kolam renang yang mewarisi harta datuknya sebanyak RM500,000.

Dalam realiti kehidupan pula berapa kalikal anda mendengar atau melihat orang yang kaya secara tiba-tiba begitu?

Mungkin ada, misalnya berita tentang orang menang jackpot. Tetapi seperti itu amat sekali-sekala kerana hakikatnya hendak menjadi kaya bukannya mudah.

Tetapi bagaimana dengan yang tiba-tiba menjadi miskin? Ia sesuatu yang mudah. Boleh terjadi bila-bila masa.

Contoh kesnya terlalu banyak sehingga ia telah menjadi berita biasa yang tidak mempunyai nilai beritanya lagi.

Sudah tidak terhitung jumlahnya orang yang memasuki dunia pencennya dengan wang KWSP berjumlah ratusan ribu atau lebih, tetapi dua tiga tahun kemudian menjadi fakir sehingga tiada apa lagi yang boleh dijual atau digadai.

Tidak terjumlah juga orang yang mewarisi harta yang banyak tetapi berakhir tanpa apa-apa atau ada sekadar cukup untuk makan sahaja.

Banyak faktor yang menyebabkan orang menjadi miskin secara tiba-tiba. Salah satu daripada ialah salah percaturan.

Tipu kenalan di media sosial, perniagaan yang tidak menjadi, pelaburan yang salah, perkongsian yang gagal dan banyak lagi.

Ada ketikanya kejatuhan status hidup seseorang, dari kaya menjadi miskin dipengaruhi oleh

“ Wabak penyakit, perubahan teknologi dan senario politik menyebabkan ramai orang boleh menjadi miskin secara tiba-tiba. ”

faktor yang tidak dijangka.

Seorang kenalan saya sebagai contoh, cukup tersohor di kalangan kawan rakan sebagai ketua keluarga yang hebat.

Setiap tahun dia bawa anak isterinya melancong ke luar negara, sesualiahan dengan kedudukannya sebagai orang penting dalam sebuah syarikat yang menjadi salah satu pemain utama di sektor pelancongan.

Disember 2019 dia membawa keluarganya bercuti di London. Banyak hari.

Sarat jugalah laman Facebook isterinya dengan gambar-gambar mereka sekeluarga berseronok suka di sana.

Cukup untuk menimbulkan rasa iri isteri kawan yang melihatnya.

Mac 2020 negara terpaksa diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan Coronavirus – kemudiannya disebut COVID-19.

PKP itu berpanjangan, berterusan sehingga sekarang. Banyak sektor ekonomi terjejas dan antara yang paling teruk ialah sektor pelancongan.

Kepahitannya dirasa oleh ramai orang, termasuk kenalan saya itu, yang terpaksa menampung hidup dengan 'mengorek' simpanan yang ada.

Itu pun dia masih bernasib baik kerana masih dibayar satu perempat daripada gaji asalnya.

Disember 2020 dia kehilangan kerja apabila syarikat tempat kerjanya membuat keputusan nekad; menutup perniagaan kerana tidak mampu lagi bertahan.

Tiga bulan kemudian dia pula terpaksa membuat keputusan yang tidak kurang nekadnya; balik kampung, menumpang di rumah mentua!

Statistik menunjukkan COVID-19, sebagaimana musibah lain, meninggalkan impak besar terhadap ekonomi.

Tetapi berbanding dengan yang lain kesan yang dibawa oleh pandemik ini lebih parah.

Laporan Bank Dunia pada Januari lalu menjangkakan antara 114 hingga 124 juta orang di seluruh dunia akan jatuh ke paras miskin tegar dalam tahun 2021 dengan 60 peratus daripadanya di Asia Selatan.



COVID-19 menyebabkan kadar kemiskinan negara meningkat daripada 5.4 peratus tahun 2019 kepada 8.4 peratus tahun 2020.

Utusan Malaysia pada 18 Jun 2021 pula melaporkan bagaimana COVID-19 menyebabkan kadar kemiskinan negara meningkat kepada 8.4 peratus tahun lalu daripada 5.6 peratus pada 2019.

Kedua-dua laporan itu tidak menyebut jumlah orang kaya yang menjadi miskin secara tiba-tiba disebabkan pandemik tersebut, tetapi ia bukan tidak berlaku dan jumlah yang berlaku itu pula bukanlah sedikit.

Selain wabak dan musibah, kemiskinan tiba-tiba juga banyak berlaku disebabkan perubahan gaya hidup.

Kemajuan teknologi maklumat misalnya, menyebabkan syarikat-syarikat penerbitan akhbar dan majalah gulung tikar, penerbitan buku patah taringnya, kedai-kedai kamera ditutup, sekolah dan kelas-kelas fotografi tidak lagi berfungsi, agensi-agensi pengiklanan menguncup dan hilang satu demi satu dari pasaran.

Semua itu menyebabkan ramai orang, termasuk yang berpendapatan besar, hilang pekerjaan dan menjadi miskin secara tiba-tiba.

Teknologi turut melahirkan perkhidmatan e-hailing, yang kesannya menyulitkan kehidupan pemandu teksi dan pengusaha bas.

Teknologi memudahkan banyak urusan pejabat sehingga menyebabkan khidmat penghantar cepat, pencari fail, pembantu pejabat, malah ketua kerani dan setiausaha peribadi sudah tidak diperlukan lagi.

Politik juga besar sumbangannya dalam mewujudkan kemiskinan secara tiba-tiba.

Contohnya selepas kejatuhan

dan dilantik oleh Raja Mesir untuk menjadi bendahari yang bertanggungjawab menguruskan khazanah negara.

Ini berdasarkan kemampuan beliau mentafsirkan mimpi Raja bahawa mimpi itu merupakan peringatan daripada Allah yang Mesir akan mengalami keadaan pertanian yang subur selama tujuh tahun dan disusuli dengan 7 tahun kemarau yang akan menyebabkan ladang-ladang tidak lagi dapat mengeluarkan hasil.

Oleh itu kata Yusuf, rakyat harus berusaha bercucuk tanam selama tujuh tahun dan hanya sebahagian sahaja hasilnya digunakan sementara selebihnya disimpan untuk menghadapi suasana kemarau selama tujuh tahun akan mendatang itu.

Ayat itu jelas memberi peringatan kepada manusia supaya beringat dan berwaspada setiap masa.

Jangan larai dengan kesenangan yang dikecap sehingga lupa untuk bersiap siaga menghadapi masa depan yang entah bagaimana.

Percayalah, jika semua orang menjadikan ayat ini sebagai panduan, nescaya hambatan kemiskinan dapat diperlakhankan.

Tetapi persoalannya bukanlah tentang mampukah kita berpegang pada peringatan itu, sebaliknya tentang mahukah kita berbuat demikian?

Nama kolumn 3M adalah singkatan kepada Melawan Maksud Miskin yang akan memfokuskan isu berkaitan kemiskinan

SAJAK

MEMBILANG PANDEMIK YANG MEMANJANG

Telah lama rasanya aku membilang pandemik semakin bertambah bukan berkang menyengat hati kian walang tertanya-tanya aku
lopak-lopak ruang yang kecundang

virus corona menyerang tanpa memilih orang mengundang sedih bukan sebarang kehilangan orang dikasih dalam kerdilan sekelip mata pemergian ahli keluarga tersayang

Membilang pandemik yang memanjang menghitung daun-daun yang gugur ke tanah dari pohon kehidupan rendang dahulunya tenang!

Ismail Hashim
Warisan Puteri, N. Sembilan

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Hidupkan kembali 'Restoran Rakyat'

INGATKAH anda 'Restoran Rakyat' yang suatu ketika berdiri megah mewarnai ibu negara Kuala Lumpur pada awal tahun 70-an?

Bagi mereka yang lahir selepas era ini memang tidak berpeluang melihat restoran ini atau merasai pelbagai menu yang disajikan.

Sesuai dengan namanya Restoran Rakyat, ia adalah restoran mesra rakyat.

Dibuka pada 1973, ia juga dikenali sebagai restoran kos rendah untuk rakyat.

Sebagai restoran bajet, sasaran utama ialah rakyat berpendapatan sederhana dan rendah.

Kerana itu ia menyediakan menu makanan dengan harga sangat berpatutan. Bayangan kos minum pagi 20 sen dan makan tengahari 80 sen!

Restoran berbentuk Minangkabau ini terletak di atas kawasan strategik ibu kota, di Jalan Parlimen. Lokasinya di tepi Sungai Gombak, berhampiran sempadan Jalan Tun Perak dan Jalan Raja Laut.

Ita terletak tidak jauh dari Bangunan Sultan Abdul Samad, Panggung Bandaraya dan bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sekarang.

Bagi Adi, matlamat penubuhan Restoran Rakyat sangat murni, iaitu meringankan beban rakyat berpendapatan rendah untuk berbelanja menjamu selera.

Memetik harithsidek.blogspot.com, kehadirannya sesuai dengan keadaan negara yang ketika itu mengalami krisis ekonomi pertama 1973/74.

Restoran ini dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia kedua, Tun Abdul Razak Hussein pada 30 Ogos 1973, sehari sebelum sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan ke-16.

Allahyarham sendiri menjadi pelanggan pertama dan membayar sendiri hidangan makan tengahari.

Dengan harga makanan lebih rendah berbanding restoran atau tempat makanan lain di ibu negara, Restoran Rakyat sering menjadi tumpuan ramai, khususnya di kalangan para pekerja yang berpendapatan rendah, juga pelawat yang datang dari luar Kuala Lumpur. Sambutannya memang menggalakkan.

Walau pun Restoran Rakyat kini sudah tiada untuk memberi laluan kepada pembangunan, Adi ingin mengimbau kisah ini dan pada masa sama melontarkan idea kepada pihak berkuasa mengkaji kemungkinan mewujudkan semula restoran berkonsep harga murah ini di Wilayah Persekutuan.

Dahulu hanya ada satu sahaja restoran ini di Kuala Lumpur, yang ketika itu masih belum



Restoran Rakyat di Kuala Lumpur menjadi tumpuan ramai untuk menjamu selera pada awal tahun 70-an.

Kredit harithsidek.blogspot.com



Restoran Rakyat di Jalan Parlimen, Kuala Lumpur, yang popular pada awal 70-an, kini hanya tinggal kenangan.

menjadi Wilayah Persekutuan.

Kuala Lumpur diisyihar Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1974, dua tahun selepas diisyihar sebagai bandar raya pada 1 Februari 1972.

Sayangnya konsep Restoran Rakyat tidak dikembangkan dengan meluas di Kuala Lumpur sendiri. Yang ada di Jalan Parlimen itu pun akhirnya menyembah bumi.

Justeru barangkali kini pihak berkuasa boleh memikirkan untuk mengembalikan Restoran Rakyat dan mewujudkan rangkaian di beberapa lokasi dalam ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Kita sedia maklum di kebanyakan restoran atau kedai makan di Wilayah Persekutuan, harga makanan dan minumannya tinggi dan tidak semua berkemampuan berkunjung ke tempat-tempat tersebut.

Oleh itu restoran berharga rendah adalah pilihan terbaik bagi mereka, sesuai dengan matlamat utama penubuhan

Restoran Rakyat dahulu.

Adi difahamkan pada waktu itu, para pelanggan dikenakan bayaran sangat rendah untuk menjamu selera di Restoran Rakyat.

Sarapan dengan nasi lemak hanya 20 sen sementara juadah tengahari dengan lauk kari dan sayuran hanya 80 sen.

Antara menu di restoran ini ialah kari ikan, rendang, kangkong, sambal belacan, ulam, asam laksa serta rojak.

Restoran Rakyat juga adalah lambang kerjasama erat beberapa pihak.

Misalnya DBKL bertanggungjawab membangunkan bangunan berkonsep Minangkabau, selain penyediaan meja makan dan peralatan dapur.

Kerjasama beberapa agensi kerajaan membolehkan harga makanan di Restoran Rakyat berada pada paras rendah.

Misalnya Lembaga Letrik Negara (LLN) atau kini Tenaga Nasional (TN) mengenakan caj rendah bagi tarif elektrik.

Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) pula membekalkan beras dengan kadar murah. Kerajaan Selangor pula membantu dengan mengenakan caj air minimum.

Dengan kos kehidupan yang tinggi di Wilayah Persekutuan dan perlunya rakyat jimat berbelanja, terutama ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyaksikan ramai kehilangan kerja dan sumber pendapatan, amatlah sesuai konsep Restoran Rakyat itu dikembalikan.

Adi tidak mengatakan harga makanan harus rendah seperti era tahun 70-an. Tentunya harga seperti waktu itu sudah sukar dilaksana.

Namun jika kesemua pihak yang bekerjasama dahulu boleh kembali bekerjasama, harga makanan dan minuman boleh berada pada paras serendah mungkin.

Pihak DBKL pula boleh membantu mendapatkan tapak atau kawasan sesuai bagi operasi Restoran Rakyat ini.

Pada masa sama ia boleh menyediakan khidmat seni reka dan seni bentuk restoran berkenaan.

Dalam melaksanakan konsep restoran ini, pengalaman lalu harus dijadikan pengajaran. Jika ada masalah dahulu pastikan ia tidak berulang.

Misalnya perlu dikaji apakah punca sebenar restoran dahulu ditutup selain alasan pembangunan di kawasan strategik di mana ia pernah berdiri.

Sebarang usaha mengembalikan restoran ini mestilah diperhalusi untuk lebih pragmatik dan efektif.

Kedudukan restoran perlulah strategik dan mudah didatangi menggunakan kenderaan persendirian atau pengangkutan awam.

Kawasan parkir perlu lebih sistematik dan mesra awam atau *public friendly*.

Sebaik-baiknya galakkan pengunjung menggunakan

“ Dengan kos kehidupan yang tinggi di Wilayah Persekutuan dan perlunya rakyat jimat berbelanja, terutama ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyaksikan ramai kehilangan kerja dan sumber pendapatan, amatlah sesuai konsep Restoran Rakyat itu dikembalikan. ”

pengangkutan awam untuk mengurangkan kesesakan.

Makanan yang disediakan juga wajar pelbagai dengan harga berpatutan, lebih rendah berbanding restoran biasa.

Kebersihan mestilah diamalkan pada sepanjang masa, baik pada makelan yang disajikan atau kawasan persekitaran restoran dan para pekerja.

Untuk kemudahan pengunjung yang menjadi pelanggan tetap, mungkin boleh difikirkan mengadakan kad keahlian dengan pelbagai keistimewaan tertentu yang datang bersama kad berkenaan. Apa bentuk keistimewaan bolehlah difikirkan kemudian.

Adi percaya jika konsep Restoran Rakyat dilaksanakan dengan pelbagai penambahbaikan berbanding dahulu, restoran berkenaan akan menjadi destinasi popular bukan sahaja di kalangan warga Wilayah Persekutuan, tetapi juga orang luar yang mencari tempat makanan harga patut apabila berkunjung ke Wilayah Persekutuan. Biarlah Restoran Rakyat benar-benar berteras rakyat, untuk rakyat.

- Adi Tuah



SAJAK

WILAYAHKU

Ingin kumelihat Wilayahku membasuh noda membalut rindu mengubat luka mengusir sangketa membunuh curiga menyulam setia

Wilayahku wargamu bangun mendukung amanah tiada hati berbelah tiada lagi berpecah tiada rasa berhelah tiada lagi bertelingkah tiada berputik resah tiada melakar pada

Wilayahku mereda suara sembang marah bersatu hati bersedia berubah menghiasi sekitar kecapi anugerah menjelaki masa mewarnai sejarah’

Noor Izam Samin
Perpustakaan, UiTM, Kampus Jasin

Beri peluang selami jiwa petugas barisan hadapan

PriVo platform yang dinanti belia

AINI MAWAWI

PELUANG bergelar sukarelawan di bawah program Sukarelawan Wilayah Prihatin atau PriVo (Prihatin Volunteer) yang dilancarkan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bersama semua agensi di bawahnya termasuk Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) membuatkan **Nur Nabilah Mazlan**, 33, dan **Noor Aini Ab Aziz**, 35, mengerti penat lelah yang dilalui petugas barisan hadapan ketika negara berdepan dengan pandemik COVID-19 ini.

Menurut Nur Nabilah, peluang yang diperoleh sangat bermakna memandangkan sejak sekian lama dia berhasrat untuk bergelar sukarelawan.

"Bagi saya PriVo ini adalah satu platform yang bagus kerana kita boleh membantu warga



**YAYASAN
WILAYAH PERSEKUTUAN**

Wilayah Persekutuan melalui kegiatan-kegiatan kesukarelawanan sekali gus meringankan beban petugas barisan hadapan," ujarnya.

Nur Nabilah yang ditemui ketika Program Vaksin Bergerak MYMedic@Wilayah di Perumahan Awam (PA) Desa Rejang berkata, peluang tersebut membuatnya mengerti perasaan yang dilalui petugas barisan hadapan ketika negara berdepan dengan pandemik COVID-19 ini.

"Bayangkan sehari suntuk dari pagi sampai ke malam mereka bertugas dengan mengenakan sut pakaian perlindungan diri (PPE), sudah tentu ia amat merimaskan namun mereka tidak pernah sesekali mengeluh.

"Itu yang membuatkan saya sedar betapa besarnya tanggungjawab mereka dan dengan



NUR NABILAH (kanan) Noor Aini (kiri) menjadi sebahagian daripada Sukarelawan PriVo.

adanya program sukarelawan ini sekurang-kurangnya ia dapat mewujudkan perasaan berterima kasih di atas pengorbanan tersebut," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Sementara itu menurut Noor Aini

pula, minatnya dalam kerja-kerja sukarelawan membuatnya teruja untuk melakukan tugas tersebut dengan hati terbuka.

"Kalau ada minat semuanya akan jadi mudah. Sepatutnya

saya terlibat selama sehari sahaja dalam program vaksinasi namun disebabkan rasa seronok maka saya lanjutkan selama tiga hari sehingga selesai," ujarnya.

Mengenepikan soal panas dan letih, baginya persediaan mental dan fizikal perlu kuat ketika berdepan dengan situasi seperti itu.

"Saya tak pernah terfikir panas dan letih sebab bila tengok mereka bekerja, saya tahu mereka lebih penat daripada kita. Lagi pula kami ada penggiliran tugas berbanding sebahagian besar daripada mereka yang terpaksa bertugas sehari suntuk," ujarnya lagi.

Terdahulu, PriVo diilhamkan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa untuk membantu memastikan keberkesaan perlaksanaan inisiatif yang diperkenalkan dan ia terbuka kepada semua warga Wilayah Persekutuan berusia 18 tahun ke atas. **WK**

McDonald's Malaysia teruskan tajaan makanan kepada *frontliner*

SEBAKAI tanda sokongan dan penghargaan berterusan kepada petugas barisan hadapan (*frontliner*) yang bertungkus lumus menjamin keselamatan rakyat Malaysia ketika pandemik ini, McDonald's Malaysia meneruskan tajaan makanannya.

Dalam aktiviti tajaan makanan yang telah diaktifkan semula pada awal Mei lalu, McDonald's menaja 300 hidangan, setiap tiga kali seminggu dengan memastikan langkah keselamatan yang ketat dipatuhi ketika penghantaran makanan dilakukan.

Untuk makluman, Hospital Sungai Buloh merupakan antara hospital pertama yang menerima tajaan McDonald's sejak pandemik bermula dan lebih 10,000 hidangan untuk petugas perubatannya diberikan dari Mac 2020.

Pengarah Hospital Sungai Buloh, **Dr Kuldip Kaur** berkata, sebagai pusat rawatan utama pesakit COVID-19, petugas kesihatan menjalankan tugas sepanjang waktu untuk menjaga dan memenuhi keperluan pesakit-pesakit kami.

"Kami berterima kasih atas keprihatinan McDonald's Malaysia, yang bermula sejak PKP pertama pada Mac 2020. Sumbangan makanan ini dapat meringankan beban petugas kami dan menceriakan hari mereka," ujarnya.

Terdahulu, mewakili pihak hospital, Dr Kuldip Kaur turut hadir menerima bungkusan makanan daripada McDonald's pada Selasa.

Sementara itu, Pengarah Urusan dan Rakan Operasi Tempatan, McDonald's Malaysia, **Azmir Jaafar** berkata, Hospital Sungai Buloh merupakan antara hospital

pertama yang menerima sokongan McDonald's ketika bermulanya pandemik COVID-19.

"Dalam menghadapi waktu-waktu sukar ini, kami berterima kasih kepada petugas barisan hadapan yang terus berusaha memastikan kesejahteraan dan keselamatan kita semua.

"Kami akan terus memberi sokongan melalui inisiatif ini dalam tempoh yang lebih panjang, supaya kami dapat mendekati lebih ramai petugas barisan hadapan," katanya.

Dengan lebih 70 hospital merawat pesakit COVID-19 menerima manfaat daripada tajaan makanan ini, McDonald's Malaysia akan terus komited dalam memainkan peranannya menyokong usaha kerajaan untuk memulihkan negara daripada pandemik. **WK**



DR KULDIP menerima tajaan makanan daripada McDonald's Malaysia pada Selasa.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA DALAM E-PAPER

MEDIA WARGA KOTA
Wilayah Ku

KADAR HARGA IKLAN (E-PAPER)

FULL PAGE	26cm X 33cm	RM500
HALF PAGE	26cm X 17cm	RM300
QUARTER PAGE	12cm X 17cm	RM200
PANEL PAGE	26cm X 6cm	RM200
W K niaga (tidak lebih 20 kata perkataan)		RM10

KADAR HARGA IKLAN (PORTAL ONLINE)

Wilayah Ku	FRONT BANNER 1080px X 96px RM2,500
Wilayah Ku	MIDDLE BANNER 1080px X 280px RM2,000
Wilayah Ku	HALF PAGE 350px X 500px RM1,000
Wilayah Ku	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px RM1,500



DITERBITKAN
2 KALI SEMINGGU

MENCAPAI
200,000 PEMBACAA
SETIAP EDISI

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)

Pengurus Pengiklanan

011-1069 2962 (ZUHAIRI)

Ekssekutif Jualan dan Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

Aras 9, Blok 1,

Menara Seri Wilayah,

62100 Putrajaya.

6 lokasi ibadah korban di Putrajaya



AINI MAWAWI

SEMPENA sambutan Hari Raya Aidiladha yang bakal tiba, Perbadanan Putrajaya (PPj) menyediakan enam lokasi khusus bagi aktiviti ibadah korban.

Penyediaan lokasi tersebut merupakan inisiatif prihatin PPj bagi memudahkan warga Putrajaya menguruskan aktiviti ibadah korban ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menurut Pengarah Komunikasi Korporat PPj, **Tengku Aina Tengku Ismail Shah**, enam lokasi yang telah ditetapkan terletak di Presint 5 (berhampiran Kementerian Pengajian Tinggi), Presint 7 (berhampiran Depo Bas & Myfarm), Presint 9 (berhampiran Pusat Perlindungan Kucing Putrajaya), Presint 11 (tanah kosong berhampiran Kompleks Kejuragan P11 & Pejabat Kesihatan Putrajaya), Presint 14 (berhampiran Kompleks Nasryul Quran) dan Presint 18 (berhampiran Apartment 18R10).

"Pemilihan lokasi adalah berdasarkan kesesuaian sebagai tempat simpanan sementara haiwan korban, tapak penyembelihan yang mudah bagi pengurusan sisa pepejal dan cecair haiwan," ujar beliau.

Tambah beliau, kaedah yang disediakan itu juga membolehkan PPj mencegah

sebarang penularan COVID-19, pencemaran alam sekitar serta membendung kerusakan harta awam, struktur dan landskap di Putrajaya.


"Selain daripada enam lokasi tersebut, aktiviti ibadah korban juga dibenarkan untuk dijalankan di masjid-masjid dan surau-surau," ujar beliau.

Pun begitu, aktiviti korban perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam tempoh PKP serta Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Korban yang dikeluarkan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) serta Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban yang ditetapkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Dalam pada itu, permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang secara atas talian dengan mengimbas QR Code atau memuat turun borang di laman web www.ppj.gov.my. Borang yang telah lengkap diisi di emelkan ke ibkorban@ppj.gov.my.

Tarikh tutup permohonan adalah pada 13 Julai 2021.

Sebarang pertanyaan berhubung permohonan penggunaan lokasi khusus boleh menghubungi talian **03-88877803** (Nurul Diana) manakala bagi permohonan aktiviti ibadah korban di masjid-masjid dan surau-surau pula melalui pegawai JAWI, Hasli Othman di talian **012-9072304**.



SENARAI lokasi tempat simpanan, sembelihan dan pelupusan sisa pepejal haiwan ibadah korban di Putrajaya.

GARIS PANDUAN SEMASA IBADAH KORBAN

1. Tempoh Pelaksanaan

Dilaksanakan pada Hari Raya Aidiladha bersamaan 10 Zulhijjah (20 Julai 2021) dan 3 hari Tasyriq 11-13 Zulhijjah (21-23 Julai 2021).

2. Lokasi Pelaksanaan

- Masjid dan Surau dengan kelulusan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jab Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan melaporkan maklumat petugas kepada Pejabat Kesihatan Daerah Putrajaya (PKDP).
- Lain-lain premis hendaklah mendapat kelulusan daripada Perbadanan Putrajaya dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta melaporkan maklumat petugas kepada PKDP.

3. Pelaksanaan Ibadah Korban

- Mengikuti Kaedah Pelaksanaan Aktiviti Ibadah Korban di Wilayah Persekutuan Putrajaya.
- Had kapasiti sembelihan korban tidak melebihi lima ekor sehari dan bilangan kehadiran termasuk petugas tidak melebihi 12 orang.
- Peserta yang mengambil bahagian dalam melakukan ibadah korban hendaklah mewakilkan kepada penyembelih atau wakil yang dilantik.
- Proses penyembelihan, lapah dan keratan asas bahagian korban adalah digalakkan pelaksanaannya di tempat penyembelihan.

4. Kawalan Penularan Dan Jangkitan

- Setiap petugas hendaklah sihat, maklumat petugas didaftarkan melalui sistem MySejahtera dan sentiasa memakai pelitup muka.
- Mengamalkan penjarakan sosial dan elakan 3S (Sesak, Sempit, Sembang Dekat).
- Tempat penyembelihan hendaklah dinyahkuman sebelum dan selepas aktiviti korban mengikut garis panduan dari Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
- Menyediakan kaunter saringan dan laluan keluar/masuk kepada petugas dan penerima agihan korban.
- Merekodkan kehadiran dan melakukan imbas suhu kepada petugas dan penerima agihan korban.
- Agihan oleh petugas penghantaran secara langsung kepada peserta yang mengambil bahagian dan fakir miskin berdasarkan senarai nama yang telah ditetapkan.
- Agihan dengan kehadiran peserta korban tidak melebihi 30 orang pada satu-satu masa tertakluk pada keluasan kawasan dan elakkan 3S.

5. Pengurusan Sisa Korban

- Sisa Pepejal Haiwan perlu dikumpul, dibungkus, diikat, dan dilupuskan pada hari yang sama.
- Lokasi penanaman bagi tujuan pelupusan sisa pepejal penyembelihan adalah di tapak sembelihan yang sama.
- Sisa cecair haiwan (hendaklah ditanam jauh dari saliran awam).



6. Kos Perbelanjaan Kerja-Kerja Pembersihan

- Pemulihan/ Pemberian/ Penyenggaraan/ Pelupusan sisa pepejal, pencemaran, struktur dan tanaman perlu ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.
- Tuntutan kos melalui pihak ketiga yang dilantik oleh PPj.



Datuk Razim
Mohd Noor

PENULIS terkemuka British, Clive Staples Lewis (C S Lewis) menyatakan 'Integrity is doing the right thing even when no one is watching'.

Maksudnya, integriti adalah amalan di mana melakukan perkara yang betul walaupun tiada siapa yang memerhatikan kita.

Amalan seumpama ini perlu disemai dalam diri setiap insan sejak kecil lagi. Lebih tepat, tabiat bermoral seperti ini perlu diterapkan bermula dari alam persekolahan lagi supaya ia menjadi pegangan hidup apabila mereka dewasa kelak.

Bak kata pepatah Melayu, 'melentur buluh biarlah dari rebungnya.'

Menurut Oxford English Dictionary, integriti berasal daripada kata adjektif bahasa Latin 'integer' yang digunakan untuk menggambarkan keutuhan sesuatu struktur atau binaan.

Kemudian, sekitar 1659, kosa kata ini diperluaskan penggunaannya untuk membezakan konsep benar dan salah dalam kehidupan manusia. Secara dasarnya, integriti berkait rapat keperibadian seseorang.

Definisi integriti agak luas. Ia boleh disifatkan sebagai kualiti kejujuran dan prinsip moral tinggi yang dipegang seseorang individu.

Dalam erti kata lain, integriti bukan hanya pegangan moral yang dipercayai dan didukung seseorang, malah pegangan itu dicerminkan individu terbabit menerusi perbuatannya.

Tahap integriti tinggi akan membentuk individu yang bermoral dan mempunyai nilai yang tinggi.

Justeru, penting untuk menerapkan sifat integriti sejak awal alam persekolahan lagi.

Menyedari hakikat ini, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memperkenalkan penubuhan konsep Kedai Jujur SPM di 10 sekolah rintis di bawah seliaan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Ia membabitkan masing-masing lima sekolah rendah dan menengah.

Pemilihan sekolah dibuat selepas berbincang dengan Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) di Kementerian Pendidikan (KPM).

Rasional pemilihan semua 10 sekolah sebagai projek rintis ini adalah dengan mengambil kira komitmen pentadbir dan pihak sekolah, latar belakang murid serta liputan kawasan

Kedai Jujur SPRM di 10 sekolah sekitar Putrajaya



BARISAN guru SMK Presint 14 bergambar di hadapan Kedai Jujur yang diperkenalkan oleh SPRM.

pemantauan oleh pihak SPRM.

Kedai Jujur SPRM merujuk kepada kedai, kios atau sudut yang beroperasi pada waktu persekolahan dan menjual barang bersifat *fast moving items* atau barang yang cepat terjual, tanpa jurujual dan tidak bermotifkan keuntungan serta berlandaskan *experiential based learning*. (pembelajaran berdasarkan eksperimen).

Kedai Jujur SPRM berobjektifkan mendidik dan menerapkan elemen integriti secara praktikal dalam kalangan murid sekolah.

Kedai Jujur ini adalah platform yang mampu mendidik anak. Walaupun tiada sesiapa akan memaksa mereka membayar dahulu sebelum mengambil barang diperlukan, mereka tetap perlu membuat bayaran kerana itu adalah integriti.

Sekiranya tidak membuat bayaran, ia boleh diklasifikasikan sebagai perbuatan mencuri seperti berlaku di kedai luar kawasan sekolah.

Walaupun tiada siapa memerhatikan, bayaran harus dibuat ke atas barang diambil. Ini didikan secara tidak langsung diterapkan menerusi Kedai Jujur.

Inisiatif Kedai Jujur adalah selaras inisiatif 2.4.6 dan 2.4.11 Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, iaitu memperkuatkkan pendidikan pada peringkat sekolah rendah dan menengah yang berteraskan pembentukan sahsiah, jati diri

dan kepimpinan yang utuh.

Selain itu, konsep Kedai Jujur juga memupuk nilai murni berintegriti dalam kehidupan sehari-hari dan menghayati nilai jujur, amanah serta tidak mengambil hak orang lain.

Usaha ini dimulakan SPRM pada 2020, namun tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya pada tahun itu disebabkan kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat COVID-19.

Namun, selepas sesi persekolahan mula dibuka tahun ini, Kedai atau Kios Jujur di semua 10 sekolah berkenaan akan mula beroperasi seperti biasa.

Dalam pada itu, 10 sekolah baharu akan dipilih dalam pelaksanaan Projek Kedai Jujur SPRM Fasa dua. Pemilihan sekolah akan diputuskan menerusi Mesyuarat Penyelaras bersama SPRM, BSKK dan KPM.

Inisiatif diambil SPRM dalam melaksanakan program Kedai Jujur sudah tentu menjadi satu platform efektif dalam melahirkan generasi mendatang yang akan berpegang kepada prinsip integriti.

Dengan berpegang kepada integriti, generasi ini sudah tentu tidak mudah terjebak dengan perkara negatif.

Apabila kita sudah mula mendedahkan perkara yang benar sejak mereka kecil, sudah tentu mereka tidak akan memilih jalan yang salah apabila sudah dewasa seperti yang ditekankan menerusi

Generasi muda hari ini adalah golongan nakhoda yang bakal memimpin negara pada masa akan datang.

Justeru, golongan ini perlu diasah dengan memberi didikan yang baik dan bermoral berlandaskan integriti. Adalah agak mudah untuk golongan muda terjerumus ke jalan yang tidak betul, tetapi untuk membentuk mereka ke arah jalan yang benar adalah penuh dengan cabaran.

Namun cabaran itu tidak seharusnya menjadi alasan untuk tidak menunjukkan laju yang betul buat mereka.

Perlu juga diingat bersama bahawa, tugas untuk mendidik anak supaya berpegang kepada integriti tidak harus diserahkan sepenuhnya pada SPRM.

Sebaliknya, ia menjadi tanggungjawab semua lapisan masyarakat untuk berganding bahu memperkasa serta membudayakan amalan integriti dalam semua aspek kehidupan bagi memastikan masa depan generasi muda terus terjamin dan utuh.

Penulis adalah Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)



SMK Presint 16 antara sekolah yang memperkenalkan Kedai Jujur SPRM bagi menerapkan nilai integriti dalam kalangan murid sekolah.

Bakul makanan bantu pengibar bendera putih



Dato' Natalie Lim Chong Ly

Penasihat GoCare merangkup Ketua CRSM Kebangsaan

PERUNTUKAN sebanyak RM300,000 kepada semua Ahli Parliment tidak mengira sebelah Kerajaan mahupun Pembangkang bagi melaksanakan Bantuan Bakul Makanan untuk rakyat yang terjejas akibat COVID-19 yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin perlu digunakan sebaik mungkin.

Walaupun jumlah peruntukan itu mungkin tidak mampu membantu keseluruhan penduduk di sesebuah kawasan Parliment, namun mereka yang betul-betul terjejas perlu diberikan keutamaan dalam pengagihan bantuan bakul makanan itu.

Sebelum peruntukan ini diumumkan, ada wakil rakyat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang telah mengambil inisiatif sendiri dengan melancarkan program Bakul Makanan atau 'food bank' untuk diagihkan kepada penduduk di kawasan mereka yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Skuad Bantuan Krisis MCA (CRSM) dan GoCare juga tidak terlepas daripada melaksanakan tanggungjawab untuk membantu serta menghulurkan bantuan dengan melancarkan Program Prihatin Pandemik #BeMYHero yang menyasarkan kutipan derma bagi menyediakan sebanyak 2,000 Kotak Kasih untuk diagihkan kepada keluarga-keluarga yang memerlukan.

Sebelum ini, GoCare telah mewujudkan Dapur Kasih serta menjalin kerjasama dengan syarikat-syarikat pengendali trak makanan untuk mengagihkan bungkus makanan sayuran kepada petugas-petugas barisan hadapan di hospital-hospital.

Lanjutan daripada itu, GoCare kini mengutip derma bagi menyediakan 2,000 Kotak Kasih bernilai RM50 setiap satu, dengan sasaran kutipan RM100,000 secara keseluruhannya.

Di saat ini, semua pihak saling bergantungan di antara satu sama lain.

Perkara ini tidak boleh dianggap remeh kerana ia memberi kesan kepada emosi seseorang, kita tidak mahu mereka yang terjejas ini bertindak mengikut emosi yang



CRSM melancarkan Program Prihatin Pandemik #BeMYHero bagi membantu keluarga yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

tidak menentu.

Oleh sebab itu, sokongan orang ramai amat diperlukan buat mereka yang terkesan.

Selain daripada melancarkan program bakul makanan, pimpinan tertinggi MCA turut turun padang menghulurkan bantuan kepada mereka yang terjejas sehingga bertindak mengibarkan bendera putih.

Kempen kibarkan bendera putih merupakan inisiatif yang dilancarkan dari rakyat untuk rakyat yang bertujuan mewujudkan rasa cakna dalam diri untuk lebih peka terhadap kesusahan yang dihadapi oleh jiran tetangga serta masyarakat sekeliling mereka.

Ketika ini, mereka yang terjejas bukan sahaja memerlukan bantuan keperluan makanan dan kewangan, malah mereka turut memerlukan sokongan emosi.

Inilah masanya untuk turun padang menghulurkan bantuan serta memainkan peranan dengan memberi sokongan seperti kata-kata nasihat dan semangat kepada mereka yang terkesan akibat pandemik ini agar mereka tidak berputus-asa untuk meneruskan hari-hari mendatang.

Kita semua tahu, pandemik COVID-19 ini telah menjejaskan ekonomi negara dan menyebabkan ramai hilang punca pendapatan.

Jadi dengan adanya bantuan bakul makanan ini, ia secara tidak langsung dapat meringankan beban mereka yang terkesan.

Kita jangan berhenti untuk berdoa dan bersyukur kerana masih ada pihak yang sudi

menghulurkan bantuan.

Kita tidak tahu sampai bila program bakul makanan ini akan diadakan, kerana kes penularan COVID-19 ini masih ditahap yang membimbangkan.

Oleh sebab itu, kita memerlukan penyertaan daripada semua pihak seperti pihak pasar raya atau syarikat peruncitan, NGO dan orang ramai untuk menjayakan proses pemberian bakul makanan ini.

Semua pihak boleh menjayakannya dengan syarat kita perlu mengetepikan perbezaan fahaman politik demi

membantu masyarakat.

Berhenti mempolitikkan isu berkaitan dengan kebajikan rakyat kerana sekarang ini rakyat berada dalam situasi yang sukar untuk meneruskan kehidupan mereka.

Sebagai pemimpin dan wakil rakyat, kita perlu membantu mereka yang terkesan. Walaupun bantuan itu tidak semewah yang diharapkan, namun sekurang-kurangnya ia dapat meringankan beban mereka.

Program ini perlu diperluaskan bagi memastikan bantuan sampai kepada semua



KEMPEN bendera putih membantu masyarakat untuk lebih peka terhadap sekeliling terutama di pasca pandemik COVID-19 ini.

golongan yang terjejas tanpa mengira kaum, agama, bangsa dan sokongan politik.

Pihak yang terkesan perlu diberi keutamaan dan peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan ini perlu digunakan dengan bijak oleh setiap Ahli Parliment.

Walaupun tiba waktunya nanti, dunia ini bebas daripada sebarang wabak merbahaya seperti ini, pemberian bakul makanan atau 'food bank' perlu diteruskan kerana ia memberi manfaat kepada orang lain yang memerlukan.

Kita tidak boleh berhenti untuk terus berdoa supaya negara kita bebas daripada wabak yang boleh membawa maut ini.

Jika ada masalah, jangan berdiam diri atau memendam rasa.

Teruslah berjumba dengan wakil rakyat atau penduduk di kawasan anda, pasti mereka akan menolong.

Masyarakat sekeliling juga perlu memainkan peranan supaya rakan-rakan kita yang terkesan ketika ini tidak dipinggirkan.

Kita perlu berganding bahu membantu mereka yang memerlukan.

Kita tidak mahu mereka yang terkesan ini bertindak di luar kawalan sehingga ada yang sanggup membunuh diri akibat terlalu tertekan.

Kita juga kita. Kita tidak boleh mementingkan diri sendiri.

Setiap orang memerlukan sokongan diantara satu sama lain. Kerajaan, NGO dan pihak berwajib telah memainkan peranan mereka, kita sebagai rakyat juga perlu memainkan peranan kita.

Semoga kita semua terhindar daripada wabak ini dan dapat kembali menjalani kehidupan yang normal selepas ini.



Annuar turun agih barang makanan



ANNUAR melihat barang seperti ayam dan telur yang akan diagihihkan kepada penduduk yang dikenakan PKPD di Kampung Segambut Dalam.



BEBERAPA kawasan dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bagi mengekang penyebaran wabak COVID-19.

Hampir lapan ribu isi rumah terkesan apabila berada di kawasan yang dikenakan PKPD di mana mereka tidak dibenarkan keluar dari kawasan kadiaman.

Bagi meringankan beban mereka, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa turun sendiri ke beberapa lokalkiti kawasan yang dikenakan PKPD untuk mengagihkan barang makanan dan keperluan asas.

Makanan asas kering seperti beras, gula, tepung dan barang basah seperti, ayam, telur dan sayur-sayuran diagihih kepada keluarga bagi meringankan beban mereka yang berada di kawasan PKPD. **JK**



ANNUAR melihat barang seperti ayam dan telur yang akan diagihihkan kepada penduduk yang dikenakan PKPD di Kampung Segambut Dalam.

Pernah stres, dekati Allah buat Faizal Ismail tenang



DEEL ANJER

SELEBRITI popular Faizal Ismail, 45, mengaku sebelum ini dirinya terlalu sibuk dengan urusan dunia selama 15 tahun pembabitannya dalam bidang penyiaran radio.

Menyedari kekurangan hubungannya dengan Allah, Faizal atau nama sebenarnya Mohd Faizal Ismail mula menyertai jemaah tabligh sejak tahun lalu.

Menurut Faizal, penghijrahan itu adalah langkah awal dia dalam menjaga hubungan dengan Allah SWT.

"Sejurnya, menyertai jemaah tabligh adalah titik mula saya membuat penghijrahan atau perubahan dalam diri.

"Kalau dulu kita lari tengok tabligh sebab takut diajak ke masjid. Tidak menjangka ketika di United Kingdom rumah saya diketuk dua jemaah tabligh

dari Malaysia. Dari situ saya berfikir sejauh ini mereka nak mengajak ke arah kebaikan.

"Dalam agama kita, lelaki dituntut untuk solat berjemaah di masjid. Selama ini mungkin saya tidak ambil berat soal ini. Jadi, hubungan saya dengan Allah jauh.

"Pulang saja ke Malaysia, ini perkara utama yang saya fikir. Dalam masa sama ketika itu saya sudah berbulan-bulan mengalami masalah kesukaran tidur. Sampai satu tahap hampir menjadi satu tekanan dan berasa kecewa.

"Saya rujuk pada kenalan ustaz dan mereka sarankan saya untuk cuba perbaiki dulu hubungan dengan Allah. *Alhamdulillah*, saya pandang apa yang berlaku dalam diri saya ini adalah ketentuan Allah SWT," katanya yang ditemui pada sidang media virtual program *Aidiladha TV AlHijrah*, baru-baru ini.

Menurut Faizal, pada awalnya dia lebih selesa untuk tidak berkongsi pembabitannya dengan jemaah tabligh kerana disifatkannya sebagai soal peribadi.

"Saya pulang ke tanah air pada Julai tahun lalu. Pertama kali menyertai jemaah tabligh pada November tahun lalu. Saya terbabit dalam diam saja dan memang tidak mahu hebohkan. *Alhamdulillah*, sehingga sekarang sudah banyak kali terbabit.

"Saya menyertai tabligh di sekitar tempat tinggal saya di kampung di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Lagi pula sekarang ini saya menetap di Pulau Pinang sebab menjaga mak selepas kematian bapa. Memandangkan saya anak sulung lelaki, ia menjadi tanggungjawab saya. Kalau ke Kuala Lumpur pun atas urusan kerja," jelasnya lagi.

Terdahulu Faizal juga bekas penyampai radio Hot FM menyambung pengajian dalam bidang industri kreatif di peringkat Sarjana di Universiti Cardiff, United Kingdom (UK), pada Ogos 2019.

Penularan wabak COVID-19 di sana memaksa semua pusat pengajian ditutup dan pembelajaran diteruskan secara dalam talian. Sejak itu, Faizal mengambil keputusan pulang ke tanah air.



FAIZAL ISMAIL

Bersama TV AlHijrah pengalaman baharu

BERKONGSI lanjut, Faizal yang mesra disapa FBI membuat kemunculan semula di kaca TV apabila mengacara program *La Tahzan* bersama Abby Fana yang bersiaran di *TV AlHijrah*.

"Saya pun tak pernah terfikir akan muncul dalam sebuah televisyen yang berkoncepkan agama. Bagi saya ini

semua adalah ketentuan Allah.

"Setelah saya diuji dalam kehidupan, saya perlukan penghijrahan. Penghijrahan itu bukanlah bermaksud dari pengacara hiburan kepada konsep sekarang.

"Saya tak pernah minta untuk ke *TV AlHijrah*, tapi saya minta dengan Allah supaya tentukan perjalanan hidup saya lebih baik selepas ini," katanya yang lebih selesa mengacara program berkaitan agama dan tanggungjawab sosial.

"Mungkin ramai tak tahu, selama ini

saya menyepakat diri kerana itu adalah masa untuk saya memperbaiki hubungan saya dengan Yang Maha Pencipta. Itu yang saya buat sepanjang saya senyap.

"Apabila saya ditawarkan program hiburan, bidang itu tidak salah, cuma hati saya rasa dah tak nak buat. Saya nak buat sesuatu yang baharu dan berlandaskan agama.

"Allah Maha berkuasa, Dia beri jawapan kepada saya apabila wakil *TV AlHijrah* menjemput saya mengacara program di stesen televisyen itu," ujarnya lagi.



Iman membentuk tindakan kita - Imam Muda Azhar



IMAM Muda Azhar turut berasa bimbang dengan tekanan yang dihadapi masyarakat sehingga ramai yang tertekan dan mengambil jalan mudah dengan membunuh diri.

Menurut Azhar atau sebenarnya Khairul Azhar Ghazali, 32, yang

mengendalikan program bual bicara *Labbaikallah* di *TV AlHijrah*, Iman dalam diri adalah penyelesaiannya.

"Dalam Islam, semua ada jalan penyelesaian. Jadi dalam masalah bunuh diri atau mengambil jalan mudah yang tidak betul ini, cara menyelesaikannya adalah satu kunci iaitu iman.

"Iman itulah yang akan membentuk tindakan kita. Iman akan menjawab segala persoalan. Sebab itu orang Islam ini, bila dia kaya rasa tenang, miskin pun dia tenang, saat susah atau senang, dia tetap tenang.

"Kenapa? Kerana dia ada satu vaksin namanya iman. Iman inilah apabila dia berhadapan dengan kesusahan dia mampu senyum. Bila berhadapan dengan kesenangan, dia tidak sompong dan bongkok.

"Jadi apa yang *TV AlHijrah* buat sekarang adalah langkah terbaik kerana memperkenan kepada masyarakat dalam bentuk visual rancangan-rancangan yang menjentik iman dan membina keimanan," katanya.

TV AlHijrah bantu tenangkan emosi rakyat - Namanzee

BAGI Ketua Pegawai Eksekutif *TV AlHijrah*, **Namanzee Harris**, program yang disiarkan oleh *TV AlHijrah* diharapkan mampu membantu masyarakat dalam mengharungi dugaan dalam pandemik COVID-19.

"Tugas kita sebagai media

penyiaran dalam membantu

masyarakat, di waktu-

waktu sekarang ini perlulah

dilaksanakan.

mampu bawa kembali untuk

mengingati iman, itupun pada

saya sudah cukup. Ini sudah

menunjukkan kita berusaha

membantu masyarakat untuk

mendepani situasi semasa.

"Boleh saja kami

memperbanyakkan program

zikir yang disukai ramai,

tetapi kali ini tugas kami fokus

terhadap kelompok insan yang

memerlukan bantuan emosi.

"Jadi kami ketepikan genre semasa atau

popular, kerana kami

perlu ambil masa

ini untuk fokus isu-

isu depresi serta isu

masyarakat semasa,"

katanya yang berharap

pihak media dan stesen

televisyen lain boleh

bersama-sama dalam

menenangkan emosi

masyarakat.

Sempena kempen

Aidiladha yang

dilaksanakan pada

1 hingga 23 Julai ini,

terdapat lapan program

istimewa disiarkan.

Bertemakan *Pengorbanan Kasih Abadi*, program-program yang wajib ditonton adalah *Labbayk Allahumma Labbayk, Journey of Hajj, The Day of Hajj, Labbaikallah, Gema Haflah, Drama Bujang Haji*, filem *Tiada Tajuk* dan *Ustaz Kartun & Robojim*.

Selain daripada program *Aidiladha*, *TV AlHijrah* juga memperkenalkan satu lagi inisiatif yang dikenali sebagai Inisiatif Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) *TV AlHijrah*.

Inisiatif ini dilancarkan dengan tujuan memeluk emosi, memberi ketenangan jiwa serta membantu rakyat Malaysia mengharungi saat-saat sukar sepanjang pandemik COVID-19.

Antara program yang disediakan bawah inisiatif ini adalah *La Tahzan* yang dikendalikan oleh dua pengacara terkenal iaitu Faizal Ismail dan Abby Fana. *La Tahzan* mengupas tentang permasalahan yang rakyat hadapi sepanjang pandemik COVID-19.

Selain itu, program menarik lain adalah *Saranghae*, *Kapsul Wabak*, *Soul Fitness*, *Tangan Seni* dan *Ngaji On The Go*. **W.K**



NAMANZEE HARRIS



"Bagi individu, NGO atau syarikat yang berminat untuk mendaftar diri, bolehlah ke pautan www.yayasan.org/privo atau scan kod QR dan isi butiran-butiran diri atau NGO, kegiatan yang diminati dan maklumat-maklumat lain seperti yang diminta."

SILA SCAN QR CODE DI SINI



YB TAN SRI TPr. ANNUAR HAJI MUSA

Menteri Wilayah Persekutuan



@yayasanwp



www.yayasanwp.org.my

Aneka resipi dessert buah-buahan



SABRINA SABRE

DESSERT atau pencuci mulut adalah masakan ringan dan manis yang dibuat sebagai hidangan tambahan selepas makan masakan berat.

Mencari resipi dessert mudah? Semasa stres, semestinya pencuci mulut akan diburu kerana

kemanisannya kadangkala dapat mengurangkan rasa stres.

Tetapi, kebanyakan pencuci mulut mengandungi jumlah gula yang tinggi, jadi anda dinasihatkan mengambil dessert dalam jumlah yang sedikit.

Lebihkan minum air masak selepas mengambil dessert bagi menyeimbangkan kandungan gula dalam badan.

Wilayahku akan kongsikan koleksi dessert sihat menggunakan buah-buahan yang mudah dan popular dan senang diikuti. WK



Cha Bang Ang

BAHAN-BAHAN

Cincu manis
Gula karamel
Selasih 3 sudu besar
Ais

BAHAN SUSU

2 cawan susu segar full cream
1 cawan susu cair
3 sudu besar susu pekat manis
1 sudu teh vanilla essence
Garam

CARA PENYEDIAAN

1. Campurkan semua, kacau sebatи dan siap!

Lai Chi Kang

BAHAN-BAHAN

400 ml air panas mendidih
8 biji kembang semangkuk
10 batang gula kundur
5 sudu barli siap direbus
1 tin mata kucing/sirap longan
Gula melaka
3 sudu cincu siap dihiris
3 sudu potongan kecil agar-agar berwarna-warni
Buah-buahan

CARA PENYEDIAAN

- Rendamkan gula melaka, kembang semangkuk, getah anggur dan gula kundur ke dalam air panas.
- Sediakan buah-buahan untuk hiasan. Gunakan buahan campuran dalam tin.
- Satukan semua bahan dan buah.
- Tuangkan sirap longan dan sirap mata kucing. Kacau larutan.
- Hidangkan dengan menambah air panas atau dengan ais.



Pulut Mangga Thai

BAHAN-BAHAN PULUT MANGGA

400 gram beras pulut
1 cawan santan pekat
1 cawan santan cair
2-3 sudu besar gula
Garam
Daun pandan/daun pisang
2 sudu besar bijan
3 biji mangga

BAHAN KUAH SANTAN

1 cawan santan pekat
1 sudu kecil tepung beras/tepung jagung
1 helai daun pandan
Garam

CARA PENYEDIAAN

CARA-CARA UNTUK PULUT

- Panaskan pengukus. Lapis dulang pengukus dengan daun pisang atau susun daun pandan rapat-rapat.

- Bilas pulut yang telah direndam semalaman dan tapis keluar airnya. Masukkan ke dalam dulang kukusan dan kukus sehingga lembut. Anggaran masa kukus adalah selama 20 minit.
- Apabila sudah lembut, angkat dan masukkan pulut kukus ke dalam mangkuk yang besar.
- Satukan santan pekat, santan cair, gula dan garam dan kacau sebatи. Tuang banchuan santan ke dalam pulut yang masih panas tadi. Balik-balikkan pulut dan biar seketika supaya kuah banchuan meresap ke dalam pulut.
- Apabila pulut sudah kering meresap kuah santan, ambil garfu dan gemburkan pulut.
- Hidang bersama kuah santan, buah mangga dan taburan bijan.

CARA-CARA UNTUK KUAH SANTAN

- Panaskan santan pekat di dalam periuk dan masak di atas api yang sederhana. Masukkan garam, daun pandan dan banchuan tepung. Teruskan kacau supaya santan tidak berketul.
- Pastikan kuah mempunyai rasa yang agak masin supaya dapat menyeimbangi rasa manis buah dan pulut. Angkat dan sejukkan.

Pavlova

BAHAN UNTUK PAVLOVA

4 biji putih telur
1 cawan gula kastor
2 sudu besar tepung jagung
2 sudu kecil cuka

BAHAN UNTUK KRIM

1 cawan dairy whipping cream
1 sudu kecil vanilla essence
1 sudu kecil gula icing

BAHAN HIASAN

Buah strawberi
Buah kiwi
Coklat ganache

CARA PENYEDIAAN

- Panaskan oven pada suhu 150 °C.
- Mulakan dengan memukul telur menggunakan mixer dalam mangkuk pengadun. Gunakan kelajuan yang sederhana dahulu. Bila dah mula berbuih boleh lajukan mixer. Masukkan gula sedikit demi sedikit sambil pukul dan pukul sehingga stiff peak forms dan apabila mangkuk diterbalikkan putih
- telur tidak jatuh.
- Masukkan tepung jagung dan kaup balik menggunakan spatula. Disambung dengan cuka. Pastikan bahan semua digaul sebatи dan mesra.
- Sediakan parchment paper di atas loyang. Menggunakan teknik capan, terapkan sedikit cutter ke atas putih telur dan capkan atas parchment paper tadi. Menggunakan teknik ini, anda tak perlu susah-susah lukis bulat satu-satu guna pensil.
- Setelah selesai teknik capan, masukkan baki adunan ke dalam piping bag dan pipe adunan ke atas bentuk-bentuk bulat tadi.
- Masukkan ke dalam oven. Setelah 10 minit, turunkan suhu kepada 110°C. Teruskan membakar lagi 20 minit sehingga pavlova nampak kembang, kering dan rangup. Tutup oven dan biarkan pavlova menyekuj di dalam oven.
- Langkah yang ketujuh ini sangat teknikal di mana oven tidak semuanya sama. Kalau boleh cuba dahulu satu biji. Kalau jadi baru bakar yang lain. Yang penting, jangan buka oven selagi pavlova tidak sejuk.



Cabar diri dengan tonton empat filem seram ini di Netflix



The 8th Night

Pengarah: Kim Tae-Hyung
Pelakon: Lee Sung-Min, Nam Da-Reum, Kim Yoo-Jung

KISAH *The 8th Night* bermula kira-kira 2,500 tahun yang lalu ketika seekor raksasa membuka pintu neraka untuk membawa penderitaan kepada manusia.

Buddha muncul menghadapnya dengan mengambil dua mata yang berwarna merah dan hitam. Mata ini adalah sumber kekuatan raksasa. Merah dan hitam dipisahkan agar tidak bersatu dan membawa neraka di Bumi. Satu tersembunyi di padang pasir yang luas di hujung barat. Sementara yang lain disimpan di tebing curam di hujung timur.

Pada malam Bulan Merah, meterai itu pecah dan mata merah dilepaskan. Serangan kematian misteri berlaku

ketika mata merah yang menyeramkan cuba menghidupkan kembali dan mencari mata hitam. Perjalanan itu berlangsung selama tujuh hari.

Ketika merah dan hitam bersatu pada malam kelapan, dunia akan menjadi seperti neraka yang penuh dengan kegelapan dan penderitaan manusia.

Park Jin-Soo (**Lee Sung-Min**) yang merupakan bekas sami adalah pelindung yang dipilih. Dia berusaha untuk mengelakkan raksasa yang hebat itu naik. Dalam usaha ini, Park Jin-Soo bertemu dengan Kim Ho-Tae (**Park Hae-Joon**), seorang detektif Unit Jenayah Kekerasan yang membantu mengesahkan syaitan dan menambahkan rasa curiga terhadap kisah itu.

Turut dibintangi pelakon **Kim Yoo-Jung** sebagai Aeran, watak misteri tetapi kunci untuk membongkar misteri dan menyelesaikan masalah.



Ghost Lab

Pengarah: Paween Purijitpanya
Pelakon: Tor Thanapob, Ice Paris

MENGISAHKAN tentang dua orang doktor, Wee dan Gla yang mempunyai pandangan berbeza mengenai dunia ghaib.

Setelah penampakan hantu di hospital mereka bekerja, dua doktor muda ini mula obses dengan kajian bagi membuktikan kewujudan hantu. Mereka berusaha mencari bukti saintifik, bagaimana dan mengapa ia muncul. Gla begitu obses sehingga dia hampir membahayakan pesakitnya dan kehilangan pekerjaannya.

Pada mulanya filem ini agak ringan dengan hanya ingin membuktikan keberadaan roh mereka yang telah

meninggal dunia. Tetapi kisahnya mulai menjadi gelap apabila Wee sukarela untuk membunuh diri dan kembali sebagai objek penyelidikan Gla.

Menggabungkan konsep perubatan moden dan juga teori paranormal boleh dikatakan perkara yang agak menarik.

Antara perkara lain yang dapat dipuji adalah fakta perubatan yang ditampilkan dalam filem ini juga tepat sepertimana yang ada dalam jurnal-jurnal fakta perubatan meskipun filem ini bukan sepenuhnya berdasarkan perubatan.

Ghost Lab boleh menjadi pilihan tontonan jika anda peminat filem seram yang menggabungkan elemen *jump scare* dengan drama. Pengakhirannya yang melibatkan mainan emosi juga mungkin mampu menggamit minat sesetengah penonton.



DIANA SYUHADA MOHD AMIR

FILEM atau drama yang mempunyai genre seram sering mendapat perhatian ramai berbanding filem atau drama berbentuk romantik yang sering kali dilihat mempunyai jalan cerita yang sama.

Ada di antara kita yang gemar menonton filem seram, walaupun takut. Bagi mereka,

filem seram seakan satu terapi yang boleh melepaskan segala tekanan yang dialami. Filem seram atau juga dipanggil sebagai filem thriller merupakan filem yang boleh menimbulkan rasa takut, terkejut dalam masa yang sama rasa teruja dan tertanya-tanya dalam diri penonton.

Untuk mereka yang gemarkan genre ini, *Wilayahku* menyenaraikan empat cadangan filem seram yang boleh anda tonton pada hujung minggu ini di Netflix yang pasti boleh membuatkan anda tidak senang duduk. **WK**

Roh

Pengarah: Emir Ezwan
Pelakon: Namron, June Lojong, Harith Haziq

DIINSPIRASIKAN daripada filem klasik Jepun berjudul '*Onibaba*', filem *Roh* mula ditayangkan pada 6 Ogos 2020.

Berlatarbelakangkan zaman dahulu kala, sebuah keluarga daif yang menetap di pinggir hutan didatangi seorang kanak-kanak perempuan misteri yang memberi sebuah ramalan ngeri iaitu "Bila Bulan Mengambang, Kau semua akan Mati".

Pelbagai peristiwa mistik dan seram berlaku apabila yang haq dan batil bertembung.

Antara filem Melayu yang mempunyai



Silam

Pengarah: Jose Poernomo
Pelakon: Zidane Khalid, Nova Eliza, Surya Saputra

APA yang berlaku sekiranya seorang kanak-kanak dapat melihat perkara yang tidak dapat dilihatnya sebelumnya? Ini membuat dia melalui pengalaman yang berbeza dan membongkar perkara yang tidak dia ketahui sebelumnya.

Silam mengisahkan seorang budak bernama Baskara yang lari dari rumah akibat sering dimarahi oleh ibunya tanpa sebab yang kukuh. Baskara mengambil keputusan untuk lari ke rumah pakciknya yang merupakan kembar kepada arwah ayahnya bernama Anton.

Baskara merancang untuk pergi ke sana selepas balik dari lawatan muzium bersama rakan sekelasnya. Di muzium, Baskara dikunci oleh kawan-kawan sekelas di dalam sebuah bilik kemudiannya terhentak di lantai.



Akibat hentakan kuat tersebut, deria keenam Baskara mula aktif dan dia sering diganggu ke mana sahaja dia pergi. Tiba di rumah Anton, Baskara disambut baik dan melihat keluarga pakciknya yang harmoni itu membuatkan Baskara nekad untuk terus kekal tinggal di situ. Disangkakan panas berpanjangan, rupanya gerimis disiang hari. Keluarga yang disangkakan aman damai itu mempunyai sejarah tersendiri apabila Baskara sering melihat keluarga ini mengamalkan ritual yang misteri.

Kehadiran Irina banyak membantu Baskara melawan ketakutan dan tahu apa sebenarnya yang terjadi dalam rumah tersebut sebab Nenek Irina adalah dukun di kawasan tu.

Dengan bantuan Irina dan neneknya, Baskara mula berjaya mencari jawapan untuk keanehan yang dijumpainya bukan hanya di rumah Anton tetapi rumahnya sendiri juga. Dengan misteri yang disimpan sehingga ke hujung cerita membuatkan penonton mahu kekal di hadapan *screen* untuk merungkai misteri di sebalik *sixth sense* yang dimilik Baskara.

36 calon STPM SMK Labuan capai PNGK 3.00 ke atas



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

SERAMAI 36 calon peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) tahun 2020 di Pusat Tingkatan Enam Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Labuan mencapai Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.00 ke atas iaitu 26.47 peratus.

Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Labuan, **Yusup Muhammad** berkata, dari segi jumlah prinsipal, 76 calon mendapat empat prinsipal iaitu 55.88 peratus, 31 calon mendapat tiga prinsipal iaitu 22.79 peratus.

Ujarnya lagi, 19 calon mendapat dua prinsipal iaitu 13.97 peratus dan

10 calon mendapat satu prinsipal iaitu 7.35 peratus.

"Prestasi Wilayah Persekutuan Labuan dalam STPM 2020 kekal 100 peratus dengan mencatatkan lulus penuh sekurang-kurangnya satu mata pelajaran bagi calon sekolah kerajaan," katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

Beliau berkata, pelajar terbaik bagi STPM 2020 peringkat Wilayah Persekutuan Labuan dicapai oleh Jayne Carey Wong dengan mendapat PNGK 3.84.

Seterusnya, antara pelajar yang turut mencapai PNGK tertinggi iaitu Michelle Wong Fui (3.83), Susan Lee Mei San (3.75), Nurul Ateyrah Yusaili (3.67), Hasjuhwiyah Jamal (3.67), Norhidayahani Natasha Roslen (3.67), Norhafiza Amilah (3.67), Ayisha


Mansor (3.67), Veronlynn Irene Anak Joseph (3.59), Yapp Sei Nei (3.50).

Sementara itu, Pengetua SMK Labuan, Ismail Abdullah menzahirkan ucapan tahniah kepada semua pelajar yang telah berjaya menyumbang kepada pencapaian lulus 100 peratus termasuk 36 orang pelajar yang mencapai keputusan cemerlang PNGK 3.00 ke atas.

"Terima kasih juga kepada semua guru yang telah berusaha dengan gigih melaksanakan pembelajaran dalam suasana pandemik COVID-19 yang sangat mencabar dan juga kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Labuan yang sentiasa memberi bantuan kewangan untuk melaksanakan program-program kecemerlangan setiap semester," katanya. **WK**



YUSUP



3.84

JAYNE CAREY WONG



3.83

MICHELLE WONG FUI PING



CGPA
3.75

3.67

ANTARA pelajar STPM SMK Labuan yang berjaya mencapai PNGK 3.00 keatas.

JPBD Labuan lancar operasi, penduduk Kiansam disaring

BAGI memastikan penularan wabak COVID-19 dapat dikekang dari terus merebak di kawasan komuniti di Pulau Bebas Cukai itu, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Labuan bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Labuan melaksanakan Ops Bersih COVID-19 di Skim Penempatan Masyarakat Pelarian (SPMP) di Kiansam, baru-baru ini.

Operasi itu turut disertai Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) Labuan.

Pengerusi JPBD Labuan, **Rithuan Ismail** berkata, JPBD yang diketuai oleh Jabatan Kesihatan telah melaksanakan operasi secara besar-besaran ini berikut hasil data yang menunjukkan jumlah kes jangkitan berlaku di kawasan itu.

"Operasi ini merupakan sebahagian usaha JPBD dalam mengkekang penularan COVID-19 merebak ke kawasan yang lain," katanya ketika ditemui ketika operasi itu dijalankan pada Rabu lalu.

Turut hadir, Ketua Polis Daerah Labuan Superintendant Ahmad Jawila, Pengarah MKN Labuan Mohd Hafiez Daud.

Jelas Rithuan, Jabatan Kesihatan telah melakukan pengesanan kes aktif (ACD) di kawasan itu yang membabitkan sejumlah 5,000 penduduk telah dicalit menggunakan Antigen Rapid



ISMUNI (kanan) sedang mengambil calitan RTK-Ag kepada salah seorang penduduk SPMP Kiansam semasa Operasi pengesanan kes aktif (ACD) pada Rabu lalu.

Test Kit (RTK-Ag).

"Kita buat tindakan proaktif dengan terus ketepak untuk buat saringan secara besar-besaran meliputi keseluruhan untuk pastikan kawasan ini akan bersih dari wabak COVID-19," tambahnya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kesihatan Labuan, **Dr Ismuni Bohari** berkata, operasi ACD itu dilaksanakan di kawasan itu disebabkan SPMP di Kiansam merupakan salah satu kawasan yang mempunyai kes dan risiko jangkitan yang sangat tinggi.

Katanya, kawasan ini tunjukkan kadar jangkitan tinggi melebihi 15 peratus apabila tinjauan dilakukan

oleh pasukannya dan sebelum ini terdapat kes-kes kematian dicatatkan di kawasan ini.

"Kawasan ini juga agak padat oleh sebab itu pengesanan kes yang awal sangat perlu dilakukan kerana penduduk di sini juga terlibat dengan sektor ekonomi dan pekerjaan," tambahnya.

Menurut beliau, operasi ACD ini dilaksanakan merupakan persiapan bagi pembukaan sektor ekonomi di pulau itu yang mana majoriti penduduk di kawasan itu bekerja di kawasan bandar.

"Pengesanan kes yang awal sangat perlu dilakukan kerana penduduk di sini juga terlibat dengan sektor ekonomi dan pekerjaan," katanya lagi. **WK**

Lions Club mandarin bantu mangsa kebakaran

PRIHATIN terhadap nasib yang menimpah tujuh buah keluarga yang hilang rumah kediaman akibat kebakaran di Kampung Rancha-Rancha Laut pada Jun lalu, Lions Club Mandarin Labuan tampil menghulurkan bantuan barang keperluan bernilai RM3,000.

Naib Presiden Lions Club Mandarin Labuan, Chia Sia Theng berkata, bantuan itu disalurkan kepada tujuh buah keluarga meliputi barang keperluan dan kelengkapan.

"Sebanyak 10 tilam, 10 bantal, 10 set cedar, 10 selimut, 20 tuala, empat tungku memasak dengan dua pembakar, empat kuali, empat periuk dan 20 bungkus Nestum 3in1.

"Pihak kami (Lions) amat

komited untuk membantu mereka yang terlibat dalam kebakaran di Kampung Rancha-Rancha Luat. Menerusi sokongan ahli kelab, kami dapat membantu tujuh buah keluarga ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan bantuan barang keperluan itu kepada mangsa, baru-baru ini.

Tambah beliau, secara keseluruhan sejumlah RM3000.00 dikumpulkan untuk menyokong bantuan ini termasuk penaja syarikat Yun Kwang.

Terdahulu, sebanyak tujuh buah keluarga telah hilang tempat berteduh apabila rumah mereka 100 peratus musnah manakala tiga rumah 10 hingga 70 peratus musnah dalam kebakaran pada 28 Jun lalu. **WK**



CHIA Sia Theng (empat dari kanan) bersama Alden Wong Ching Ko (lima dari kanan) menyampaikan sumbangan bantuan kepada mangsa kebakaran di saksikan oleh Pengarah JKM, Ansharey (hujung kanan) di Kampung Rancha-Rancha Laut, baru-baru ini.

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

Sumbangan Bakul Makanan manfaatkan 6,000 penerima setakat Julai

SYAHIDI BAKAR

SERAMAI 6,000 penerima daripada golongan B40 di Bandar Tun Razak telahpun mendapat manfaat daripada sumbangan Bakul Makanan di kawasan terbabit, setakat Julai 2021.

Ahli Parlimennya **Datuk Kamarudin Jaffar** berkata bantuan barang makanan dan keperluan asas itu disalurkan sebagai membantu golongan terkesan akibat penularan pandemik COVID-19 yang telah menjejaskan pelbagai aspek kehidupan rakyat.

Beliau berkata, sumbangan bakul makanan yang bernilai RM100 setiap satu, dilengkapi barang asas antaranya beras, tepung, gula, susu, minyak masak dan lain-lain diharap membantu penerima ringankan beban belanja. Isi rumah.

"Alhamdullilah, hari ini serahan sumbangan bakul makanan kepada 50 penerima golongan B40 di Pekan Sungai Besi yang terdiri daripada peniaga, pesara tentera, pekerja swasta dan lain-lain.

"Secara keseluruhan,



KAMARUDIN Jaffar (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan Bakul Makanan kepada salah seorang daripada 50 penerima bantuan tersebut di Dewan Merdeka, Pekan Sungai Besi.

sumbangan melalui Pejabat Ahli Parlimen pada tahun lalu hampir 12,000 bakul makanan diagih. Manakala setakat pertengahan tahun ini kita sudah serah 6,000 bakul makanan, katanya selepas penyerahan sumbangan di Dewan Merdeka Pekan Sungai Besi.

Hadir sama, Ketua Balai Polis Sungai Besi, Insp. Zulkarnain Elias dan Pengurus MPPWP Sub Zon 5 Bandar Tun Razak, Farouk Mohd Noor.

Sementara itu, dianggarkan seramai 3,000 orang penerima terutama golongan B40 memerlukan, dijangka menerima



bantuan bakul makanan yang diperuntuk menerusi Paket Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).

Menurut Kamarudin, Perdana Menteri juga telah menambah peruntukan Ahli Parlimen kepada RM300,000 setiap seorang untuk kegunaan bagi

menyalur bantuan kepada rakyat di kawasan.

"Jika mengikut panduan Jabatan Perdana Menteri setiap bakul nilainya RM100, dengan peruntukan RM300,000 ini jadinya 3,000 bakul makanan lagi boleh kita sampaikan," katanya.

WK

200 anggota APM dapat sumbangan, tanda penghargaan

SEBAGAI tanda penghargaan terhadap kegigihan barisan hadapan negara berkhidmat, *Multiracial Reverted Muslims* (MRM) menyumbang barang keperluan kepada Angkatan Pertahanan Awam (APM) Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Wakil Jurucakap MRM, **Zamri Mohamad** berkata, barang dapur yang diagih untuk kegunaan 200 anggota APM itu sebagai penghargaan terhadap jasa anggota keselamatan bertugas mengawal keadaan ketika penularan pandemik COVID-19.

"Presiden MRM, saudara Mohd Firdaus Wong ini begitu mengambil berat dan prihatin kebajikan petugas barisan hadapan yang cekal menuaikan amanah, muahu memberikan penghargaan selain ringankan beban anggota dan pegawai bertugas.

"Jadi hasil perbincangan, MRM tampil membantu dengan memberi barang keperluan dapur kepada 200 anggota APM yang bertugas di pusat vaksin dan disampaikan kepada Pengarah APM Wilayah Persekutuan, Kolonel Effendy Ali bagi mewakili 200 orang anggota," katanya kepada *Wilayahku*.

Majlis serahan sumbangan



EFFENDY Ali menyerah sumbangan barang keperluan dapur kepada salah seorang anggota APM di pejabat APM Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

diadakan awal Julai, turut dihadiri oleh Presiden Persatuan Pegawai Bersekutu APM Wilayah Persekutuan, Leftenan Kolonel Datuk Nazri Ibrahim.

Sementara itu, antara barang dapur disumbang seperti Beras, gula, garam, minyak masak selain kopi dan biskut dengan setiap pek barang itu dianggarkan bernilai RM90.

Menurut Zamri, selain menzahirkan terima kasih, Mohd.

Firdaus Wong juga akan terus mendoakan kesejahteraan dan keselamatan semua petugas yang telah berbakti untuk rakyat dan negara.

"Diharapkan dengan adanya bantuan sumbangan ini, akan dapat membantu, meringankan beban perbelanjaan bagi anggota APM yang berkhidmat sebagai *frontliner* sepanjang pandemik COVID-19 ini melanda negara," katanya. WK



SEBAHAGIAN daripada 200 pegawai dan anggota APM yang hadir bagi mengambil barang sumbangan yang diberikan oleh MRM.



**Soalan**

SALAM, saya nak minta penjelasan tuan mufti berkenaan isu kibar bendera putih baru-baru ini.

Isu ni asalnya pasang bendera putih sebagai isyarat untuk minta bantuan jika ada yang dalam kesusahan era PKP. Mohon penjelasan tuan mufti untuk isu ini.

JAWAPAN

Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga baginda, para sahabat, serta orang-orang yang mengikuti jejak langkahnya sehingga hari akhirat.

Secara asasnya, hukum meminta bantuan ketika ditimpa kesusahan adalah tidak dilarang di dalam Islam.

Bahkan, Islam menggalakkan mereka yang berkemampuan untuk mencari orang-orang yang susah dan fakir miskin.

Kebanyakan kita beranggapan bahawa ramai yang mampu bertahan ketika dalam kesusahan.

Namun sebaliknya, mereka yang mengalami kesusahan ini memilih untuk berdiam diri. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

"Pemberian sedekah itu ialah bagi orang-orang fakir miskin yang telah menentukan dirinya (dengan menjalankan khidmat atau berjuang) pada jalan Allah (membela Islam), yang tidak berupaya mengembara di muka bumi (untuk berniaga dan sebagainya); mereka itu disangka: orang kaya - oleh orang yang tidak mengetahui halnya, kerana mereka menahan diri daripada meminta-minta."

Engkau kenal mereka dengan (melihat) sifat-sifat dan keadaan masing-masing, mereka tidak meminta kepada orang ramai dengan mendesak-desak.

Dan (ketahuilah), apa juia yang kamu belanjakan dari harta yang halal maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahuinya"

Surah al-Baqarah (273)

Menurut Prof. Dr. Wahbah

Hukum mengibarkan 'bendera putih' bagi meminta bantuan



HUKUM meminta bantuan menggunakan bendera putih ketika kesusahan adalah bergantung kepada perspektif individu yang melihat perkara tersebut.

az-Zuhaili, ayat ini menegaskan kepada orang-orang mukmin bahawa sedekah itu hendaklah diberi kepada mereka yang memerlukan.

Antaranya orang yang berjuang pada jalan Allah, orang yang tidak mempunyai keupayaan untuk mencari rezeki, orang yang menahan diri daripada mempunyai makanan dan pakaian kerana tidak mampu, orang yang jelas dalam kesusahan jika dilihat pada diri dan kehidupannya, serta orang-orang yang dalam kesusahan tetapi tidak meminta-minta dan meminta bukan dalam kadar yang berlebihan.

Umum mengetahui bahawa perbuatan meminta-minta adalah perbuatan yang buruk.

Tetapi perlu difahami bahawa perbuatan meminta-minta yang dilarang tersebut adalah dikhaskan kepada mereka yang sudah mempunyai kemampuan yang mencukupi, tetapi masih lagi meminta-minta daripada orang lain.

Sementara Imam Ibn Kathir

pula menjelaskan bahawa perbuatan meminta-minta yang dilarang merujuk kepada orang yang sengaja meminta sesuatu daripada orang lain dengan tujuan menambahkan lagi hartanya.

Terdapat beberapa hadis berkenaan perkara ini. Antaranya Rasulullah SAW bersabda:

"Sesiapa yang suka meminta-minta sedangkan dia mempunyai kecukupan keperluan bagi dirinya maka dia sedang memperbanyak batu api neraka."

Mereka bertanya, "Wahai Rasulullah, bagaimanakah dikira sebagai cukup keperluannya?"

Baginda menjawab, "Sesuatu yang mencukupi bagi dirinya (untuk makan) pada waktu siang dan malam."

Riwayat Abu Daud (1629)

Selain itu, terdapat juga riwayat lain yang menyebut tentang orang yang meminta-minta dengan tujuan untuk mengumpul harta, sedangkan dalam masa yang sama

keperluannya telah mencukupi.

Rasulullah SAW bersabda:

"Sesiapa yang meminta harta daripada orang lain dengan niat untuk memperbanyak hartanya maka dia sebenarnya meminta bara api neraka. Oleh itu, terpulanglah pada dia untuk meminta sikit atau banyak."

Riwayat Ibn Hibban (534)

Perbuatan meminta-minta adalah dilarang sekiranya orang meminta tersebut mempunyai kemampuan untuk bekerja mencari rezeki dan keperluannya mencukupi.

Namun begitu, dalam keadaan yang terpaksa dan tersepit, meminta bantuan adalah perkara yang wajar dan tidak termasuk dalam larangan meminta-minta yang dinyatakan.

Islam menggalakkan umatnya untuk mengambil berat terhadap masyarakat sekeliling terutamanya jiran tetangga.

Ini kerana asas keimanan seorang mukmin adalah sifat tolong-menolong sesama jiran yang dalam kesusahan. Sabda Nabi Muhammad SAW:

"Tidaklah seorang itu dianggap orang beriman yang mana dia dalam kekenyangan dan dalam masa yang sama jiran sebelahnya kelaparan"

Riwayat al-Baihaqi (19668)

Hadis di atas menunjukkan betapa pentingnya untuk seorang mukmin mengambil cakna akan jiran tetangganya serta tidak mementingkan diri sendiri.

Seorang mukmin juga sepatutnya mengamalkan sikap cakna dan saling menguatkan antara satu sama lain.

Oleh kerana itu, dalam keadaan saudara seislamnya dilanda kesempitan dan kesusahan, orang yang beriman perlu menghulurkan bantuan bagi mengurangkan beban saudara seagama mereka.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya,

meminta bantuan sama ada dalam bentuk kewangan, makanan dan sebagainya adalah dibenarkan bagi orang yang betul-betul dalam kesempitan.

Manakala hukum menggunakan bendera putih sebagai cara untuk meminta bantuan ketika kesusahan bergantung kepada perspektif kita melihat perkara tersebut.

Jika perbuatan itu atas dasar membantu mereka yang memerlukan dengan cara memudahkan pihak yang ingin memberi bantuan dan mengenal pasti pihak yang dalam kesusahan, maka boleh dilaksanakan.

Sebaliknya jika kita lihat itu sebagai mengaibkan diri sendiri pula maka wajar dielakkan.

Dalam keadaan sekarang, ramai pihak sudi menghulurkan bantuan dan juga disediakan nombor-nombor untuk dihubungi bagi mereka yang dalam kesusahan.

Mereka juga boleh menghubungi terus pihak yang membantu untuk segera mendapatkan bantuan.

Ia terserah kepada pertimbangan masing-masing dalam bentuk yang dirasakan selesa.

Suasana pandemik ketika ini adalah berbeza dan di luar daripada kebiasaan yang pernah kita hadapi.

Terdapat ramai pihak yang hidup ditimpa kesusahan dengan pelbagai masalah.

Oleh itu, bagi yang ingin membantu, tanamkan keikhlasan dalam hati untuk membantu.

Manakala bagi yang memerlukan bantuan pula, boleh memohon bantuan mengikut kaedah yang dirasakan selesa dengan cara masing-masing.

Apa yang penting adalah menunjukkan akhlak dan perilaku yang mulia dalam semua keadaan.

Wallaheu'lam.

MAIWP agih 300 bakul makanan sebulan, bantu golongan terjejas

MAJLIS Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Labuan mengagihkan sebanyak 300 kit bantuan makanan diagihkan setiap bulan bermula bulan Jun hingga Disember tahun ini kepada golongan yang terjejas.

Pengurusnya, **Ustaz Fadzli Md Saad** berkata, jumlah keseluruhan kit bantuan makanan yang diperuntukkan adalah sebanyak 2,100 set yang membabitkan sejumlah RM99,498.00.

Katanya, bantuan kit

makanan diserahkan kepada Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Labuan di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Labuan.

"Bantuan diagihkan kepada golongan yang terjejas berdasarkan kepada permohonan yang diterima oleh JKM," katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

Beliau berkata, antara barang makanan yang diagihkan dalam setiap set

bakul bantuan makanan adalah beras, tepung, gula, minyak masak, makanan dalam tin serta biskut.

Katanya, ini merupakan salah satu inisiatif MAIWP dalam membantu golongan yang memerlukan dan terjejas pendapatan sejak pandemik COVID-19 melanda.

Mengulas lanjut, Fadzli turut maklumkan pihaknya turut menyumbangkan wang tunai sebanyak RM10,000.00 kepada

Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) untuk membiayai makanan dan keperluan diri bagi 106 orang pelajar berstatus aktif di kampus tersebut.

Jelasnya, kesemua 106 orang pelajar tidak dibenarkan melakukan sebarang pergerakan keluar kampus sejak Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dilaksanakan pada hujung Mei yang lalu.

"Pembelian barang makanan

dan keperluan diri dilaksanakan oleh pengurusan UMS KAL dan kesemua stok barang ditempatkan di Bangunan Perkhidmatan Pelajar yang dijadikan sebagai lokasi food bank.

"MAIWP berharap dengan bantuan yang diberikan serba sedikit dapat memenuhi keperluan para pelajar di UMS KAL yang mana kesemua pelajar turut mendapat tempias berikut pandemik COVID-19 di wilayah ini," katanya lagi.

Pemberian vaksin pandu lalu di Labuan

LABUAN telah melaksanakan vaksinasi secara pandu lalu pada Selasa bagi mempercepat program imunisasinya ke arah mencapai imuniti kelompok menjelang akhir bulan ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Labuan **Dr Ismuni Bohari** berkata buat masa ini, lokasi pelaksanaan vaksinasi secara pandu lalu itu, yang terletak di ruang letak kereta Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), adalah terhad kepada penerima suntikan dos kedua vaksin jenis Pfizer-BioNTech.

"Kami menjangkakan ramai yang akan hadir mulai 8 Julai ini kerana kebanyakan penerima dos pertama harus mendapatkan suntikan kedua mereka sehampir mungkin dengan sela masa tiga minggu seperti yang disyorkan," katanya kepada Bernama di tapak pelancaran vaksinasi itu di sini hari ini.

Beliau berkata pelaksanaan

vaksinasi secara pandu lalu itu adalah dengan kerjasama UMSKAL, Majlis Perwakilan Penduduk dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Labuan.

Dr Ismuni juga berkata Labuan telah memberikan vaksin kepada 55,572 orang atau 81.1 peratus daripada 68,500 populasi dewasa yang layak di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan setakat Isnin dengan 18,019 telah menerima dos kedua mereka.

Beliau berkata pembukaan tiga pusat pemberian vaksin (PPV) di Kolej Matrikulasi Labuan pada 17 Jun, Taman Mutiara Blok L (22 Jun) dan Dewan Foo Chow (29 Jun), sebagai tambahan kepada dua pusat sedia ada di Dewan Darul Kifayah dan Dewan Sri Labuan telah meningkatkan jumlah vaksinasi di antara 900 hingga 1,100 dos seharian kepada lebih 3,000 dos seharian sejak dua minggu lepas.

Dr Ismuni berkata vaksinasi secara jumpa terus itu yang pertama kali dijalankan di Kolej Matrikulasi Labuan menyaksikan lebih 1,000 orang divaksin setiap hari dan langkah itu yang kemudian dipanjangkan ke Dewan Sri Labuan, telah banyak membantu pelaksanaan vaksinasi di wilayah persekutuan meskipun terdapat peningkatan jumlah kes serta kematian dalam tempoh beberapa minggu kebelakangan ini.

Beliau turut mengaitkan pencapaian itu dengan kerjasama rapat yang dijalin antara ahli Jawatankuasa Pengurusan Bencana Labuan dan penduduk setempat.

Labuan turut menyaksikan peningkatan jumlah orang ramai yang mendaftar untuk vaksinasi melalui aplikasi MySejahtera dengan 85.3 peratus populasi dewasa mendaftar setakat hari ini berbanding 40.8 peratus pada 1 Jun. **WK**



LOKASI vaksinasi pandu lalu yang terletak di ruang letak kereta UMSKAL adalah terhad kepada penerima suntikan dos kedua vaksin jenis Pfizer-BioNTech.



Program MOVAK diperluas untuk penduduk PPR, pekerja ladang

PROGRAM Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) yang sebelum ini menyasarkan pemberian vaksin kepada penjaja kecil akan diperluas kepada penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan masyarakat di ladang serta estet.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan **Datuk Zuraida Kamaruddin** berkata sebagai permulaan, program itu akan ditumpukan di Selangor kerana jumlah jangkitan COVID-19 yang tinggi dan belum menunjukkan tanda penurunan.

"Program ini akan melibatkan 15 bas vaksinasi yang akan memfokus kepada 12 pihak berkuasa tempatan (PBT) serta Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang mempunyai kepadatan penduduk tinggi di Selangor sebelum ke negeri lain," katanya pada Selasa.

Mengulas program hari ini, Zuraida berkata ia mendapat sambutan baik dalam kalangan penjaja di bawah Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) apabila kesemua 504 individu yang diberikan janji temu vaksinasi hadir untuk mendapatkan suntikan vaksin masing-masing.

Menteri Perpaduan Negara **Datuk Halimah Mohamed Sadique**, yang turut hadir, pula berkata

MOVAK akan menambah 10 bas bagi digerakkan ke kawasan ladang di seluruh negara bagi memastikan masyarakat di lokasi itu tidak tercincir untuk mendapatkan vaksin.

Beliau berkata berdasarkan maklumat yang diterima, kadar pendaftaran vaskinasi dalam kalangan masyarakat India yang tinggal di ladang dan estet masih rendah.

Katanya oleh itu, bas MOVAK akan turut digerakkan ke Johor untuk ke ladang dan estet yang jauh dari kemudahan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bagi mendaftarkan masyarakat di kawasan tersebut terutama di daerah Segamat, Labis dan Ledang.

Halimah turut memberi jaminan program MOVAK di ladang terbabit tidak bertindih dengan inisiatif PPV bergerak Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang juga memberi tumpuan kepada program vaksinasi kepada masyarakat Orang Asli.

MOVAK merupakan inisiatif Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama dengan Kementerian Perpaduan Negara bagi membantu serta melancarkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dalam usaha negara mencapai imuniti

151,729 individu dikesan hidap penyakit tidak berjangkit

33 peratus atau 151,729 individu daripada 457,462 orang dalam kumpulan B40 yang menjalani saringan kesihatan menerusi Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40) dikesan menghidap sekurang-kurangnya satu penyakit tidak berjangkit, kata Menteri Kesihatan **Datuk Seri Dr Adham Baba**.

"Mereka sebelum ini tidak pernah mengetahui mereka menghidapi penyakit tidak berjangkit," katanya ketika membentangkan Laporan PeKa B40 2019-2020 secara maya hari ini.

Beliau berkata antara penyakit tidak berjangkit yang dikesan melalui saringan berkenaan adalah kencing manis sebanyak 10.4 peratus, kolesterol tinggi (29.8 peratus), darah tinggi (13.8 peratus), masalah mental seperti kemurungan (1.6 peratus) dan keserasian (1.4 peratus).

"Sebelum menjalani saringan PeKaB40, mereka tidak pernah menjalani saringan kesihatan seumpamanya, apakah lagi mendapatkan rawatan susulan," katanya.

Skim PeKa B40 itu diuruskan ProtectHealth Corporation Sdn Bhd yang menyediakan empat manfaat iaitu saringan kesihatan, bantuan alat perubatan sehingga RM20,000, insentif melengkapkan rawatan kanser (RM1,000)

dan insentif tambang pengangutan sehingga RM1,000.

Skim berkenaan yang memberikan fokus kepada penyakit tidak berjangkit, diberikan secara percuma kepada semua penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) atau Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) serta pasangan mereka yang berumur 40 tahun dan ke atas.

Dr Adham berkata sebanyak RM62.5 juta dibelanjakan dalam tempoh 15 April 2019 hingga 31 Dis 2020 untuk membiayai skim PeKa B40 yang bertujuan membuat pengesanan awal terhadap penyakit tidak berjangkit kumpulan B40.

Daripada jumlah itu, RM38.5 juta dibelanjakan untuk manfaat saringan kesihatan yang meliputi pengambilan sejarah kesihatan, pemeriksaan fizikal, saringan kesihatan mental, pemeriksaan kanser payudara dan prostat serta ujian air kencing dan darah.

Beliau berkata saringan kesihatan PeKa B40 itu boleh dilakukan di klinik swasta dan juga klinik kesihatan KKM seluruh negara.

"Bagi manfaat bantuan alat perubatan, sebanyak RM20.9 juta dibelanjakan bagi membiayai permohonan 10 jenis alat perubatan antaranya alat bantuan pendengaran, bantuan sokongan nutrisidan kerusi roda," katanya. **WK**



ADHAM

Polis turun padang bantu warga kota

SIMPATI kepayahan dialami warga kota susulan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dizahirkan polis Kuala Lumpur melalui memberian 120 bakul makanan kepada golongan amat memerlukan ini.

Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti Kuala Lumpur, **Datuk Azman Ayob** berkata, polis Kuala Lumpur melancarkan Op Bantu dengan mengagihkan 60 bakul makanan kepada 60 keluarga warga kota termasuk Putrajaya yang terputus bekalan makanan dalam tempoh pandemik COVID-19 bermula Selasa.

Menurutnya, program yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri (KDN) serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan RELA berjalan dengan jayanya.

"Bakul makanan ini sudah di-

agihkan terus oleh semua Ketua Polis Daerah Kontinjen Kuala Lumpur secara bersemuka yang turut disertai Skuad Aman Wanita (AMANITA).

"Maklumat bagi pengagihan bakul makanan ini diterima pihak Polis Kuala Lumpur melalui persatuan penduduk serta diselaraskan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), golongan yang menerima bantuan daripada Baitulmal dan penduduk yang hilang punca pendapatan semasa tempoh pandemik ini," katanya.

Pengagihan bakul makanan ini diberikan antaranya kepada golongan orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), golongan yang menerima bantuan daripada Baitulmal dan penduduk yang hilang punca pendapatan semasa tempoh pandemik ini," katanya.

Menurutnya, antara kawasan penduduk yang diberikan bantuan adalah di Flat Sri Sarawak, Flat Danau Kota, Kampung Chubadak Tambahan, Pangsapuri Awam Sri



OP Bantu dilancarkan Polis Kuala Lumpur bagi membantu golongan yang terjejas akibat penularan COVID-19 di kawasan sekitar Kuala Lumpur termasuk Putrajaya.

Johor, Apartment Putra Ria dan Pangsapuri Putra Harmoni.

Beliau berkata, program ini

juga akan disambung hari ini apabila sebanyak 60 bakul makanan lagi akan diagihkan kepada 60

keluarga seterusnya.

"Polis Kuala Lumpur sangat mengalu-alukan sekiranya ada pihak korporat atau NGO yang ingin membantu dengan memberikan bantuan kepada orang ramai yang sangat memerlukan pada masa ini."

"Orang ramai juga boleh terus menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah dan Balai Polis yang berhampiran untuk memohon bantuan sekiranya sangat memerlukan. Pelaksanaan Op Bantu ini mencerminkan keprihatinan jabatan dan agensi penguasaan kerajaan dalam membantu golongan yang terkesan akibat penularan Covid-19 dalam negara. "Semoga dengan inisiatif program seperti ini diharapkan dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh keluarga yang terjejas semasa menghadapi tempoh yang sangat sukar ketika ini," katanya.

Tapak pembinaan catat kes positif tinggi diarah tutup serta merta

KADAR peningkatan kes positif semakin membimbangkan terutama di dalam kawasan tapak pembinaan meskipun tidak semua kawasan di Kuala Lumpur tidak diletakkan di dalam Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Justeru itu, bagi membendung peningkatan kes jangkitan tersebut, Menteri Wilayah

Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** melalui Pusat Pengurusan Krisis COVID-19 (CCMC) telah memutuskan untuk menutup mana-mana tapak pembinaan yang menyumbang kepada peningkatan kes COVID-19 di bandaraya itu.

"CCMC WP (Wilayah Persekutuan) telah memutuskan tapak bina di WP yg menyumbang

kepada kes positif COVID-19, hendaklah segera ditutup.

"PBT hendaklah segera bertindak mengikut SOP sedia ada," ciapnya di laman Twitternya Rabu.

Beliau yang juga Pengurus CCMC turut menegaskan agar penempatan pekerja di dalam kawasan tapak pembinaan ditutup tanpa sebarang alasan.



TAPAK pembinaan serta penempatan pekerja di dalam kawasan tapak pembinaan yang menyumbang kepada kes positif diarah tutup bagi membendung peningkatan kes jangkitan COVID-19.

Tarikh pembukaan MRT laluan Putrajaya ditunda November - MRT Corp

MASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) memutuskan untuk meminda tarikh pembukaan Fasa Satu MRT Laluan Putrajaya yang dijadualkan pada Ogos ini ke pertengahan November depan.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp **Datuk Mohd Zarif Hashim** berkata tarikh baharu itu dipilih untuk dilaksanakan dalam Fasa Keempat Pelan Pemulihran Negara ketika ekonomi negara diharapkan dibuka sepenuhnya dan acara pelancaran boleh berlangsung.

Beliau berkata tahap kemajuan untuk fasa satu antara Stesen Kwasa Damansara dan Stesen Kampung Batu adalah 99 peratus manakala pembinaan MRT Laluan Putrajaya sedang berjalan lancar dan kini telah mele过i tahap 90 peratus siap keseluruhan.



TARIKH baharu pembukaan Fasa Satu MRT Laluan Putrajaya ditetapkan pada November ketika negara memasuki Fasa Keempat Pelan Pemulihran Negara.

Bagaimanapun, katanya, MRT Corp memutuskan untuk melanjutkan tempoh operasi percubaan bagi memastikan pengendali mencapai tahap kecekapan yang diperlukan dan pada masa ini operasi percubaan yang bermula pada 29 April lepas sedang dilakukan oleh pengendali di sepanjang

bahagian itu.

"Jadual latihan asal telah terkesan oleh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan yang sedang dikuatkuasakan dikebanyakannya wilayah Selangor dan lokasi terpilih di Kuala Lumpur," katanya. - BERNAMA

NEGERI	BULAN PELAKSANAAN
Kuala Lumpur & Selangor	Julai 2021
Kelantan, Johor, Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Perak, Melaka & Terengganu	Ogos 2021
Negeri Sembilan, Labuan, Pahang, Putrajaya, Sabah & Sarawak	Sept – Okt 2021

BANTUAN BARANGAN DAPUR RM100 TANPA TUNAI MELALUI MYKAD

Program Prihatin Kasih

Bantuan RM100/bulan selama tiga bulan untuk keluarga miskin bandar

Disalurkan secara tanpa tunai melalui MyKad

Pembelian boleh dibuat di lebih 300 rantaian pasar raya dan kedai seluruh negara

Penerima dipilih daripada pangkalan data JKM, e-Kasih & disemak silang pangkalan data BPR

Untuk pembelian barang dapur, termasuk susu bayi

Peruntukan RM100 juta untuk manfaat 300,000 isi rumah di bandar-bandar utama seluruh negara

Penerima PRIHATIN Kasih yang layak akan menerima SMS dari MyKash untuk:

- Mengesahkan status mereka sebagai penerima
- Mendapat tarikh dan masa untuk sesi taklimat orientasi di kedai runcit terdekat

MAKLUMAT LANJUT LAYARI <http://www.mykasih.com.my/site/prihatin-kasih/>

JKM: Jabatan Kebajikan Masyarakat

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

BPR: Bantuan Prihatin Rakyat

Diterbitkan: 6 Julai 2021

Infografik Bernama

Atlet perlu konsisten sebelum tidur

Latihan imaginasi Ain Nabilah mencabar

AINI MAWAWI

ATLET boling padang, Nur Ain Nabilah, 23, mengakui latihan imaginasi merupakan salah satu perkara penting bagi atlet boling padang untuk mempersiapkan mental sebelum pertandingan.

Kongsinya kepada Wilayahku, teknik tersebut boleh dilakukan atlet yang tidak dapat menjalani latihan di padang akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika ini.

"Melalui latihan imaginasi, kita akan membayangkan teknik-teknik balingan, kemahiran dan sebagainya sama seperti melakukan latihan dalam keadaan nyata."

"Selalunya setiap malam sebelum kejohanan, saya akan melakukannya sebelum tidur. Ia memberi kesan positif kepada saya termasuklah



NUR AIN NABILAH



**ATLET
WILAYAH**

kesan kepada prestasi dirinya.

"Nak bina balik kemahiran ambil

kekuatan luar biasa kepada mental. Mungkin anda juga boleh turut mencuba," ujarnya.

Saranannya kepada atlet boling padang Wilayah Persekutuan yang tidak dapat beraksi di padang ketika ini, selain mengaplikasikan teknik imaginasi, aktiviti stamina lain juga jangan dipandang ringan.

"Kreativiti dalam latihan perlu untuk meneruskan momentum. Jangan mudah berputus asa lebih-lebih lagi dalam keadaan seperti ini," ujarnya yang bakal beraksi dalam Kejohanan Dunia Junior (bawah 25) di Northern Ireland Disember ini.

Tidak dinafikan tiadanya sebarang kejohanan dalam jangka masa panjang akibat pandemik COVID-19 turut memberi

kesan kepada prestasi dirinya.

"Nak bina balik kemahiran ambil



LATIHAN musim PKP amat mencabar.

masa juga lebih kurang dua hingga ke tiga minggu. Itulah cabaran yang perlu ditempuhi ketika ini bukan sahaja oleh saya tetapi semua atlet diluar sana.

"Walaubagaimanapun setiap hari saya tetap menjalani latihan dirumah. Biarpun tidak dapat turun ke

padang tetapi saya tetap membuat latihan balingan di rumah selama 30 minit setiap petang," ujar atlet kelahiran Labuan ini.

Dia turut mengakui rindu untuk menjalani latihan seperti biasa serta beraksi di kejohanan dan dalam masa yang sama berharap agar

Kejayaan Nur Ain Nabilah

2019 - Women Four, Sukan SEA Filipina - Emas

2019 - International Fours, Bukit Kiara KL - Perak

2019 - Olahragawati Universiti Teknologi Mara (UiTM) 2019

2018 - SUKMA Perak - 1 Emas, 1 Gangsa

2017 - Sukan SEA KL - Emas

Instagram : @yentrnz

negara bebas daripada wabak COVID-19 secepat mungkin.

"Diharap rakyat Malaysia patuh pada seruan kerajaan supaya kekal di rumah agar kita sama-sama mendapat kembali kehidupan yang normal seperti dahulu. Paling penting jangan lupa dapatkan vaksin," ujarnya lagi. WK

Azizulhasni sedia harungi cabaran mental, fizikal demi emas pertama Olimpik

MEMBAWA harapan lebih 32 juta rakyat Malaysia untuk merealisasikan impian meraih pingat emas pertama di Sukan Olimpik, sudah pasti memberi cabaran dan tekanan buat pelumba berbasikal trek negara, Mohd Azizulhasni Awang.

Namun, sebagai seorang atlet profesional dan demi melaksanakan tanggungjawab buat negara, Mohd Azizulhasni bersedia mengatasi segala cabaran di laluannya dengan sasaran membawa pulang pingat emas yang dinanti-nantikan itu.

Pelumba berusia 33 tahun kelahiran Dungun, Terengganu itu, turut mengakui selepas persaraan jaguh badminton negara Datuk Lee Chong Wei, beliau kini menjadi harapan negara di temasya terbesar dunia itu yang bakal membuka tirai pada 23 Julai ini.

"Kalau tidak diletakkan sebagai prospek emas, beraksi di pentas Olimpik pun sudah menjadi tekanan besar, tetapi sebagai prospek emas, ia adalah peringkat berlainan bagi diri saya. Saya mengambilnya secara positif, tanggungjawab saya kepada negara.

"Daripada bersembunyi di sebalik tirai, sebagai atlet profesional, saya melangkah untuk menggalas tanggungjawab dan sudah pasti berusaha keras di belakang tabir. Setakat ini, persediaan dan latihan kami adalah terbaik dalam sepanjang kerjaya kami.

"Saya gembira dengan segala yang telah kami lakukan dan ingin memastikan semuanya berjalan mengikut perancangan kami di Jepun.

"Apa pun keputusannya, saya tidak

akan kecewa atau kesal kerana dari segi persediaan, kami telah memberikan lebih 100 peratus usaha dalam persediaan," katanya ketika sidang media secara maya.

Mohd Azizulhasni, juara dunia acara keirin 2017, berkata setelah mewakili negara lebih 15 tahun, beliau telah menjadi lebih matang untuk mengawal emosi dan mentalnya di temasya berprestij itu.


Mengulas mengenai persediaan dari segi fizikal, pelumba dengan jolokan 'The Pocket Rocketman' menjelaskan bahawa beliau menambah berat badannya sekitar 10 kilogram (kg), terutamanya jisim otot di bahagian bawah selepas Olimpik Rio 2016 untuk meningkatkan kekuatannya.

"Bila dah tambah jisim otot, ia akan membantu meningkatkan kuasa output, sekali gus meningkatkan pecutan. Ia dapat dilihat apabila catatan masa saya bagi pecutan 200 meter (m) meningkat dari semasa ke semasa, kemuncaknya saya memecahkan rekod Asia, kebangsaan dan peribadi dengan catatan 9.548 saat (s) di Kejohanan Dunia Berlin, pada Mac 2020.

"Jadi kami terus bekerja keras dalam tempoh sekatan pergerakan penuh (lockdown) dan terus bekerja keras sampai sekarang sebab bukan misi kecil, misi yang besar untuk negara saya," katanya pada penampilan Olimpik kali keempat berturut-turut sejak Beijing

2008. Berbekalkan basikal model WX-R Vortex, yang dibangunkan menerusi projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) berjumlah RM13 juta di antara Institut Sukan Negara (ISN) dengan syarikat dari United Kingdom, TOTALSIM Ltd, beliau yakin untuk menaiki pelumba-pelumba terbaik dunia selepas terlepas peluang meraih pingat gangsa acara keirin di Rio 2016.

Sementara itu, Muhammad Shah Firdaus Sahrom yang bakal membuat penampilan pertama di Olimpik, mengakui tidak meletakkan sasaran yang terlalu tinggi kerana kurang pengalaman beraksi di temasya besar seperti Olimpik. - BERNAMA



Kredit : Facebook Istana Negara

Lagenda golf negara Zainal Abidin meninggal dunia

BEAKAS pemain golf negara, Zainal Abidin Mohamed Yusof meninggal dunia akibat jangkitan buah pinggang pada jam 6:30 pagi Rabu.

Beliau berusia 78 tahun.

Perkara itu disahkan oleh abang Allahyarham, Sahabuddin Yusof ketika dihubungi.

Menurut Sahabuddin, jenazah Allahyarham dikebumikan jam 4 petang hari yang sama di Kedah.

Allahyarham Zainal Abidin merupakan legenda golf negara pada era 60-an hingga 80-an dan pernah mewakili Malaysia di Kejohanan Golf Piala Dunia sebanyak lima kali serta Piala Dunhill di St. Andrew, Scotland.

Beliau yang berasal dari Ipoh, Perak, dikenali sebagai pemain profesional bersama tiga adik beradiknya iaitu Khairudin Yusof, Sahabuddin Yusof dan Nazamuddin Yusof.

Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah petang tadi turut menzahirkan ucapan takziah kepada keluarganya menerusi hantaran di Facebook Istana Negara.

"Jasa, khidmat serta bakti Allahyarham kepada negara amat dihargai dan pemergian Allahyarham merupakan satu kehilangan besar kepada sukan golf tanah air," demikian menurut hantaran itu. - BERNAMA



Wilayah Persekutuan buka semula masjid dan surau

DIANA AMIR

MASJID dan surau di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dibuka semula kepada orang ramai dengan prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan berkuat kuasa 9 Julai ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), **Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri** menerusi ciapan di Twitternya berkata, pembukaan semula masjid dan surau adalah setelah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

"Alhamdulillah, menjunjung tatah perkenan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas ketetapan terkini had jemaah Solat Jumaat, Solat Fardhu dan Solat Sunat Aidiladha di masjid dalam tempoh Pelan Pemulihara Negara berfasa di Wilayah-Wilayah Persekutuan," ciapnya.

Jelasnya SOP terbaharu adalah disusun lebih terperinci dengan mengambil kira keluasan kawasan dan risiko setempat.

Ujarnya lagi, beberapa buah negeri juga telah memperlakukan



MASJID dan surau di Wilayah Persekutuan dibuka semula dengan pematuhan SOP tertentu. - Foto: Twitter Chaudhry Imran

kelonggaran dan pembukaan kapasiti lebih luas yang diputuskan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri.

"Saya juga telah mengambil maklum akan ketetapan terbaharu yang diputuskan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri di beberapa buah negeri.

"Beberapa buah negeri telah

memperlakukan kelonggaran dan pembukaan kapasiti lebih luas bagi jemaah masjid dan surau di negeri masing-masing," katanya.

Beliau turut berharap agar umat Islam dapat mengimarahkan semula masjid dan surau seperti sedia kala selepas ia dibenarkan untuk dibuka semula. WK

Pelantikan Ismail, Hishammuddin pengiktirafan kepada UMNO - Annuar

PELANTIKAN Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Datuk Seri Hishammuddin Hussein sebagai Menteri Kanan Luar Negeri dianggap sebagai satu pengiktirafan kepada UMNO.

Menteri Wilayah Persekutuan merangkap Ahli Parlimen Ketereh **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, pengalaman kedua-dua anggota kabinet itu akan memperkasakan lagi barisan kepimpinan kerajaan dalam menghadapi situasi mencabar kini.

Beliau berpendapat, kedua-dua pemimpin UMNO itu boleh membantu Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam memantapkan lagi jentera kerajaan.

"Pelantikan kedua-dua tokoh ini juga merupakan satu pengiktirafan kepada UMNO yang telah memainkan peranan besar dalam kabinet Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Pelantikan mereka juga membuka pintu kepada peranan UMNO yang

lebih besar dalam kerajaan Perikatan Nasional di mana kedua-dua mereka berupaya mengerakkan seluruh kekuatan UMNO untuk terus berjuang membela rakyat serta menjayakan proses pemulihara negara," ujar Menteri Wilayah Persekutuan itu.

Menurut Annuar, keputusan Perdana Menteri memberi tugas kepada Hishammuddin untuk membantu beliau dalam menjayakan Pelan Pemulihara Negara adalah satu pengiktirafan terhadap keupayaan Ahli Parlimen Sembong itu.

"Saya percaya pelantikan ini disambut baik oleh semua lapisan rakyat khususnya ahli UMNO seluruh negara dan inilah peluang terbaik untuk UMNO terus berbakti kepada rakyat serta merapatkan sah di belakang kedua-dua mereka untuk menyatupadukan ahli serta orang Melayu, kaum Bumiputera serta rakyat Malaysia keseluruhannya," katanya lagi. WK

Sepanjang 36 tahun menyanyi, zaman COVID-19 paling mencabar - Ramlah Ram

DEEL ANJER

PENYANYI lagenda popular Ramlah Ram tidak menafikan dia turut terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menurut **Ramlah Ram**, 56, nasibnya sebagai penyanyi juga tiada bezanya dengan pekerjaan lain apabila tiada tawaran nyanyian sejak tahun lalu.

"Sepanjang 36 tahun menyanyi, tempoh sekarang ini iaitu pandemik COVID-19 paling mencabar dan merumitkan. Semuanya terbatas. Saya percaya semua orang merasakan perkara yang sama," katanya kepada *Wilayahku* ketika sidang media secara maya pelancaran lagu terbarunya, *Aku Ubatinya Lagi*.

Ramlah juga mengakui dirinya juga seperti orang lain sudah lama terkesan dengan pandemik yang melanda sejak awal tahun lepas.

"Nak cakap fasal terkesan ketika PKP, sejak awal PKP lagi sudah terkesan sebenarnya. Sebab kurang tawaran dan aktiviti pentas ditam-

bah lagi ada PKP yang tidak boleh melibatkan industri muzik dijalankan. Berbeza dengan lakonan, setidaknya sebelum ini penggiat seni bidang itu boleh cari makan.

"Alhamdulillah duit simpanan saya masih ada tapi sampai bila? Tidak boleh juga bergantung sepenuhnya dengan tabung. Bukit kalau ditaruh sekali pun gondol juga. Maka kena berusaha juga.

"Mujur ada punca pendapatan lain seperti bisnes parfum, peranan sebagai duta produk dan sebagainya," jelasnya yang lebih berjimat cermat memandangkan tiada jaminan pandemik COVID-19 ini akan berakhir.

Dalam pada itu, Ramlah juga menasihatkan masyarakat agar terus bersabar kerana rezeki itu datang daripada Allah.

"Mahu tidak mahu, kita perlu biasakan diri hidup dalam era pandemik. Saya susah, ada orang lain yang lebih susah. Sudah setahun lebih kita hidup begini, tapi percayalah rezeki itu datangnya daripada Allah SWT."

"Saya sedar ada yang sudah buntu sehing-

ga tidak tahu apa yang patut dilakukan lagi.

"Apa-apa pun jangan melakukan perkara yang merosakkan diri kerana percasalah semua ini akan berakhir. Sama-sama kita berdoa," jelas Ramlah Ram lagi.

Terdahulu, bercerita tentang lagi baharu '*Aku Ubatinya Lagi*' ciptaan Ajai dan Sharon Paul, ia kini sudah boleh didengari menerusi semua platform penstriman digital dan muzik video rasmi lagu sudah boleh ditonton di YouTube Universal Music Malaysia.

Lagu tersebut dirakamkan di Studio Wake The Baby Records sehari sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0, iaitu pada awal Mac tahun lalu. WK

